

**KAJIAN TERHADAP PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP
AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN DI TAPAK ARKEOLOGI
SUNGAI BATU, MERBOK, SEBAGAI PELESTARI WARISAN BUDAYA**

SITI ZULAIKHA ZULKEFLI

UNIVERSITI
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Kajian Terhadap Penerimaan Masyarakat Terhadap Aktiviti
Penyelidikan Yang Dijalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu,
Merbok, Sebagai Pelestari Warisan Budaya**

Oleh

SITI ZULAIKHA BINTI ZULKEFLI
(C19B0792)

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



SITI ZULAIKHA ZULKEFLI

Tandatangan Penyelia



JEFF GOOI LIANG JUN
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Wawasan
Universiti Malaysia Kelantan

Tarikh: 22 FEBRUARI 2023

Tarikh: 22 FEBRUARY 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

Signature of Supervisor



SITI ZULAIKHA ZULKEFLI



JEFF GOOI LIANG JUN
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

Date: 22 FEBRUARY 2023

Date: 22 FEBRUARY 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentially a

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya juga saya dapat menyiapkan kajian tesis ini yang bertajuk Penerimaan Masyarakat Terhadap Aktiviti Penyelidikan Yang Dijalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok, Sebagai Pelestari Warisan Budaya. Seterusnya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya iaitu En Jeff Gooi Liang Jun yang telah banyak membimbing dan memberikan tunjuk ajar semasa menyiapkan kajian tesis ini daripada mula sehingga akhir bagi memudahkan pelaksanaan kajian.

Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada kedua ibu bapa saya yang banyak membantu dan memberikan motivasi dan sokongan dalam menyiapkan kajian ini. Oleh itu kajian ini dapat disiapkan dengan baik disebabkan oleh dorongan dan juga doa daripada mereka.

Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sewaktu kajian ini sedang dijalankan. Pelbagai saranan dan nasihat yang diberikan agar kajian ini dapat disiapkan bersama-sama. Selain itu, ucapan penghargaan turut diberikan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir kalam, saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pengkaji dan pelajar yang lain mengenai penerimaan masyarakat terhadap aktiviti penyelidikan yang dilakukan dengan lebih mendalam.

Abstrak

Tapak arkeologi sungai batu adalah merupakan salah satu tapak warisan budaya yang telah dijumpai oleh para penyelidik. Aktiviti penyelidikan dilakukan bagi memastikan bahawa tapak tersebut benar-benar menjadi salah satu tapak bersejarah pada suatu masa dahulu. Dengan bantuan masyarakat tempatan dan juga cerita-cerita rakyat yang telah disampaikan oleh masyarakat sekitar dan memberikan sedikit maklumat kepada pihak penyelidik. Akan tetapi, tidak banyak masyarakat yang mengambil tahu tentang tapak arkeologi serta sejarah-sejarahnya. Pengetahuan dan pendapat mereka tentang kerelevanan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik bagi masyarakat tempatan masa kini. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan masyarakat dan juga penerimaan mereka terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan. Serta, mengkaji kepentingan kajian arkeologi ini kepada masyarakat. Seterusnya, kaedah metodologi yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini adalah kaedah pemerhatian, soal selidik dan juga temu bual. Ini adalah supaya, kajian yang dilakukan dengan lebih mudah.

Abstract

The Sungai Batu archeological site is one of the cultural heritage sites that have been discovered by researchers. Research activities are carried out to ensure that the site is truly one of the historic sites in the past. With the help of the local community and also the folk tales that have been told by the surrounding community and provide some information to the researchers. However, not many people are aware of the archeological site and its history. Their knowledge and opinions on the relevance of research studies conducted by researchers for the local community today. In addition, the objective of this study is to identify the knowledge of the community and also their acceptance of the archaeological activities carried out. As well as, studying the importance of this archaeological study to society. Next, the methodology used to complete this study is observation, questionnaire and interview. So, the researcher can do this study more easily.

Isi kandungan

Penghargaan	ii
Abstrak	iii-iv
Isi kandungan	v-vi
Senarai Rajah	vii-ix
Senarai Gambar	x
BAB 1	1-11
1.1 Pengenalan	1-5
1.2 Latar Belakang Kajian	5-6
1.3 Permasalahan Kajian	6-7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8-9
1.7 Kepentingan Kajian	9-11
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2	12-21
2.1 Pengenalan	12-13
2.2 Subchapter Literature Review	5
2.2.1 Impak yang dibawa keatas tapak persendirian	13-15
2.2.2 Faktor penyebab persetujuan masyarakat tempatan terhadap penyelidikan arkeologi	15-17
2.2.3 Reaksi Masyarakat Tempatan Terhadap pengambilan rumah	17
2.2.4 Reaksi penduduk terhadap pengambilan tanah	17-18
2.2.5 Pengetahuan penduduk tempatan terhadap aktiviti penyelidikan yang dijalankan	18-19
2.2.6 Reaksi Penduduk Malaysia terhadap kajian penyelidikan Arkeologi ..	19-20
2.3 Teori Kajian	20
2.4 Kesimpulan	20-21

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	22-30
3.1 Pengenalan.....	22-23
3.1.1 Pendekatan Kaedah Kuantitatif	23
3.2 Rekabentuk Kajian	24
3.3 Instrumen Kajian	24-27
3.3.1 Pemerhatian	24-25
3.3.2 Kaedah Soal Selidik.....	25-27
3.4 Pensampelan Kajian	27-28
3.5 Prosedur Pengumpulan Data.....	28-29
3.6 Kesimpulan	30
BAB 4	38-82
4.1 Pengenalan.....	38
4.2 Analisis Kajian.....	39-77
4.3 Cadangan yang telah dikemukakan oleh masyarakat tempatan.....	78-81
4.4 Kesimpulan	81-82
BAB 5	87-
5.1 Pengenalan.....	87-88
5.2 Analisis Objektif Kajian.....	89-97
5.3 Cadangan Kajian.....	97-100
5.4 Kesimpulan	100
Lampiran	101-104
Rujukan	105-108

Senarai Rajah

Bil	Deskripsi	Muka surat
3.1	Rekabentuk kajian	24
3.2	Kaedah pengumpulan data	29
4.1	Saya sangat peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak warisan	42
4.2	Pihak kerajaan memandang enteng dalam mempromosikan tapak kajian ini sebagai salah satu tapak warisan bersejarah.	43
4.3	Tujuan kajian penyelidikan ini adalah untuk melindungi tapak warisan budaya itu sendiri	44
4.4	Penglibatan agensi kerajaan dalam memperkenalkan tapak warisan bersejarah ini kepada pelancong dalam dan luar negara adalah sangat penting.	45
4.5	Tapak penyelidikan arkeologi ini memberikan kesan yang mendalam terhadap semangat patriotic	46
4.6	Saya sangat peka tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi tersebut	47
4.7	Banyak penyelidik yang datang untuk menjalankan penyelidikan di tapak terbabit	48
4.8	Pembinaan muzium ini adalah bertujuan untuk memudahkan pelawat untuk melihat tentang sejarah penyelidikan yang terdapat disana	49
4.9	Saya banyak mendengar cerita-cerita orang kampung mengenai sejarah yang terdapat di tapak arkeologi tersebut	51
4.10	Saya merupakan penduduk asal yang tinggal di kawasan tapak kajian tersebut.	52
4.11	Kekurangan informasi dan juga penerangan yang diberikan oleh pihak penyelidik kepada penduduk menyebabkan penerimaan penduduk kajian ini semakin merosot	54
4.12	Kajian yang dilakukan tidak menepati ekspektasi penduduk tempatan	56

4.13	Kajian yang dilakukan ini telah membuka mata saya tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini.	57
4.14	Aktiviti kajian yang dilakukan memberikan kesan terhadap kehidupan seharian saya	58
4.15	Saya berminat untuk memberi Kerjasama terhadap penyelidik dengan memberikan maklumat mengenai tapak tersebut.	60
4.16	Saya berasa agak terganggu dengan kemasukan penyelidik kedalam Kawasan penempatan masyarakat tempatan.	61
4.17	Kurangnya aktiviti yang dilakukan Bersama pihak agensi kerajaan menyebabkan hubungan diantara penyelidik dan juga penduduk adalah terbatas.	62
4.18	Orang kampung banyak membantu pihak penyelidik dalam memperolehi maklumat mengenai tapak kajian.	63
4.19	Saya banyak menyertai aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat	65
4.20	Dengan adanya aktiviti yang dijalankan saya lebih memahami tujuan kajian penyelidikan ini dilakukan	66
4.21	Saya rasa sangat bersemangat dalam memelihara tapak ini supaya lebih kekal terjaga	67
4.22	Penduduk tempatan bekerjasama dengan pihak penyelidik dalam menjaga tapak kajian warisan bersejarah ini.	69
4.23	Banyak agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pemuliharaan tapak penyelidikan	70
4.24	Ketiadaan undang-undang yang jelas menyukarkan pihak penduduk dan penyelidik dalam mengekalkan tapak Kawasan kajian ini supaya kekal terjaga.	71
4.25	Kajian yang dilakukan ini telah membuka mata saya tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini.	72
4.26	Saya berasa usaha pihak penyelidik dalam melindungi tapak ini daripada terus rosak adalah merupakan salah satu Tindakan yang betul agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pemuliharaan tapak penyelidikan	73
4.27	Saya berasa tapak ini patut dibangunkan dan lebih diberikan perhatian supaya dapat menarik lebih banyak pelancong.	75

4.28	Saya rasa lebih bertanggungjawab dalam mengekalkan kelestarian tapak arkeologi ini supaya kekal sehingga ke generasi seterusnya	76
4.29	Tapak bersejarah ini haruslah dijaga dan dijadikan sebagai salah satu harta negara yang perlu dilindungi	77
4.30	Kebersihan tapak in haruslah sentiasa dititikberatkan supaya Nampak lebih kemas dan cantik	78
4.31	Saya berasa sangat bangga dengan kejayaan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pihak penyelidik	79
4.32	Tapak ini harus sentiasa dipelihara supaya dapat mengekalkan	80

Senarai Gambar

Bil	Deskripsi	Muka surat
1.1	Artifak yang dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu	4
1.2	Artifak yang dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu	4
1.3	Serpihan seramik dan juga manik yang dijumpai di tapak tersebut	5
1.4	Peta lokasi kawasan yang terlibat	9
3.1	Formula bagi pengiraan saiz sampel	26

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Tapak Arkeologi sungai batu adalah merupakan salah satu tapak warisan budaya. Kebanyakan tapak arkeologi yang ditemui dalam tahun 1960 hingga 1970 an adalah sepanjang sungai Bujang dan sungai Merbok. Data sejarah menunjukkan Pengkalan Bujang adalah dijadikan pusat perdagangan Kedah suatu masa dahulu selepas Sungai Mas. Lembah Bujang telah dikenali dengan pelbagai nama di arena antarabangsa.

Pedagang India menggelar Kedah sebagai “Kalagam” dan “Kadaram”. Sementara itu bagi pedagang dari Timur tengah mengenali sebagai “Qalha” atau “Kalah”. Bagi pedagang daripada China pula ialah “Chieh-cha”. Ini menunjukkan kepada kita bahawa suatu masa dahulu Kedah telah pun melalui proses pembangunan yang pesat melalui aktiviti perdagangan entreport.

Secara umumnya penyelidikan tentang arkeologi di Lembah Bujang telah pun bermula seawal 1840an lagi. Ketika itu ianya diketuai oleh seorang pegawai British yang bertugas di Seberang Prai iaitu Kolonel James Low. Pada masa itu Low telah menjumpai inskripsi Buddha Gupta di sebuah 5 kawasan yang terletak di Seberang Prai iaitu Cheruk Tokkun secara tidak sengaja. Adalah dipercayai diskripsi ini ditulis sebagai memperingati seorang

ahli pelayaran dari benua India yang bernama buddha gupta. Pentarikhan secara relatif berdasarkan kepada skrip tulisannya dianggarkan ia telah ditulis pada abad ke 5 Masihi.

Selepas penemuan tersebut para ahli arkeologi memperluaskan tapak kajian dan dijumpai beberapa candi yang masih utuh berdiri di kawasan sekitar tersebut. Hal ini adalah merupakan salah satu penemuan yang sangat bermakna kepada para pengkaji agar dapat membuktikan bahawa kerajaan kedah tua pernah bertapak di negeri ini pada suatu ketika dahulu.

Candi tersebut adalah merupakan salah satu bukti kepada zaman kegemilangan kerajaan kedah tua dan juga kegemilangan agama Hindu pada ketika itu. Dan tembikar tersebut adalah merupakan salah satu artifak yang dapat membuktikan bahawa adanya kerjasama diantara kerajaan kedah tua dan juga pihak kerajaan china pada suatu ketika dahulu.

Konservasi pula adalah merupakan salah satu tindakan yang diambil oleh pihak yang berwajib dalam melindungi bahan warisan semulajadi ini daripada terus rosak. Pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan secara menyeluruh dapat melindungi tapak warisan ini daripada terus terbiar dan mulai hilang mengikuti masa.

Aktiviti konservasi perlu dilakukan supaya tidak menyebabkan kerosakkan terhadap bahan warisan lebih teruk. Pemulihan yang dilakukan juga tidak merubah struktur bahan

warisan tersebut supaya dapat mengekalkan ketulenan dan keaslian sesuatu artifak dan juga bahan warisan ini.

Penjagaan tapak warisan budaya ini adalah sangat penting bagi pengekalan tapak tersebut kepada generasi akan datang. Penjagaan ini tidak tertumpu kepada pihak penyelidik sahaja, malahan para penduduk juga haruslah memainkan peranan dalam memelihara dan memulihara tapak tersebut supaya kekal terjaga.

Hal ini menunjukkan betapa pentingnya penerimaan masyarakat terhadap aktiviti penyelidikan yang dilakukan. Hal ini adalah supaya, dapat memudahkan para pengkaji mendapatkan kerjasama yang sepenuhnya daripada pihak tempatan terutamanya. Ini adalah kerana masyarakat tempatan lebih mengenali kawasan penempatan mereka sendiri berbanding pihak penyelidik. Selain itu, mereka juga adalah merupakan sebahagian daripada warisan yang terdapat pada tapak penyelidikan tersebut kerana, pihak penyelidik juga memerlukan mereka bagi mendapatkan maklumat tentang tapak tersebut.

Akhir sekali, penerimaan masyarakat terhadap aktiviti penyelidikan yang dijalankan haruslah diberikan perhatian khusus. Ini adalah bagi memudahkan urusan pihak penyelidik dalam mengumpul data dan maklumat yang lebih terperinci mengenai tapak tersebut. Selain itu, juga penglibatan penduduk bersama pihak penyelidik dan juga agensi kerajaan yang lain bagi memelihara dan memulihara tapak penyelidikan tersebut. Menjadikan tapak tersebut sebagai salah satu tapak pelancongan warisan budaya juga boleh dilakukan bagi menaikkan taraf ekonomi masyarakat tempatan.



Gambar 1.1 Artifak yang dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu



Gambar 1.2 Artifak yang dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu



Gambar 1.3 Serpihan seramik dan juga manik yang dijumpai di tapak tersebut

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan respon daripada masyarakat yang tinggal di kawasan berdekatan tentang pendapat mereka mengenai kajian yang dilakukan di tapak tersebut. Hal ini kerana, kajian yang dilakukan pada tapak tersebut adalah sangat penting kepada masyarakat, pengkaji dan juga sejarawan.

Selain itu juga, kajian ini dilakukan adalah supaya dapat memudahkan para pengkaji dalam melakukan kajian mereka. Hal ini kerana, pendapat masyarakat sekeliling yang tinggal di kawasan tapak tersebut adalah sangat

penting supaya tidak menimbulkan sebarang masalah di masa hadapan. Tapak warisan budaya ini adalah berasal daripada tanah persendirian yang kemudiannya telah dibeli oleh pihak kerajaan persekutuan bagi memudahkan urusan para pengkaji menjalan kajian di tapak tersebut.

Kajian soal selidik ini dilakukan adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai bahawa generasi kini tahu atau tidak mengenai hal tersebut. Selain itu, ingin mendapatkan beberapa mengenai pengetahuan mereka tentang aktiviti konservasi yang dijalankan ditapak tersebut. Hal ini adalah supaya mereka lebih cakna tentang aktiviti konservasi yang dilakukan supaya tiada halangan atau bantahan jika kajian yang dilakukan diatas tanah persendirian atau dalam kawasan rumah penduduk tempatan agar dapat membantu para pengkaji menyebarkan maklumat dan ilmu kepada para pelancong yang hadir ke kawasan tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Penerimaan masyarakat adalah bergantung kepada persetujuan mereka dan juga kesanggupan mereka dalam memberi sumbangan tenaga fizikal dan moral kepada aktiviti yang dijalankan di tapak terbabit. Penerimaan ini adalah apabila masyarakat tersebut memahami dan juga cakna tentang proses dan juga aktiviti yang dijalankan di situ.

Untuk mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk dan juga para penyelidik semasa proses pembukaan tapak kajian arkeologi ini. Selain

itu, apakah permasalahan yang dihadapi oleh para penyelidik semasa menjalankan kajian dan konflik yang dihadapi oleh mereka. Ketidakpuasan hati atau kekurangan kajian keatas pandangan masyarakat terhadap aktiviti penyelidikan yang dijalankan ke atas tempat terbabit.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persolan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

- Sejauh manakah, pengetahuan masyarakat tentang kepentingan aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak Arkeologi, Sungai Dua ini?
- Sejauh manakah penerimaan mereka terhadap aktiviti arkeologi ini?
- Sejauh manakah keberkesanan aktiviti arkeologi itu sendiri terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat 3 objektif utama dalam kajian ini:

- Mengenalpasti pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak tersebut
- Mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di tapak arkeologi sungai batu
- Mengkaji keberkesanan aktiviti arkeologi itu sendiri terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri


1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah berdasarkan tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti konservasi yang dilakukan di kawasan Tapak Arkeologi, Sungai Batu, kedah dalam pelestarian tapak warisan budaya. Kajian ini bertujuan adalah untuk mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dilakukan di kawasan tapak arkeologi, lembah bujang, sungai dua, kedah dalam pelestarian tapak warisan budaya. Kajian ini mempunyai 3 objektif utama iaitu, Mengenalpasti pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak tersebut, Mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di tapak arkeologi sungai batu, Mengkaji kepentingan aktiviti arkeologi di tapak arkeologi sungai batu terhadap masyarakat dan juga penglibatan masyarakat tempatan bersama pihak berwajib dalam memastikan tapak tersebut kekal terjaga dan mendapatkan pandangan semasa masyarakat terhadap aktiviti konservasi yang dijalankan

Lokasi kajian ini dilakukan adalah di Tapak Arkeologi Lembah Bujang, Sungai Batu. Pemilihan kawasan ini adalah kerana kajian ini, adalah untuk mengetahui tentang tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti konservasi yang dilakukan di kawasan tapak arkeologi, Lembah Bujang, sungai Batu, kedah dalam pelestarian tapak warisan budaya.

Pendekatan kajian yang digunakan dalam melakukan kajian ini adalah dengan menggunakan kajian kualitatif dan juga kajian kuantitatif, adalah dengan melakukan kajian secara google form terhadap 200 orang responden yang

tinggal di kawasan didaerah Kuala Muda tersebut untuk mendapat pendapat masyarakat dalam aktiviti konservasi terhadap Tapak Arkeologi ini.



Gambar 1.4 peta lokasi kawasan yang terlibat

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya tersendiri kerana ianya juga memberi impak kepada individu, masyarakat dan juga institusi.

1.7.1 Individu

Dari segi kepada individu, kajian ini akan memberikan kepentingan, dan nilai tersendiri kepada setiap individu. Kajian ini diharap mampu, memupuk jati diri dan juga semangat dalam melindungi Tapak Warisan Budaya ini.

Selain itu, kajian ini diharap membantu individu yang cuba memahami dan mengenali warisan ketara ini dan menjaga nilai serta keaslian bahan seperti Tapak Warisan ini.

1.7.2 Masyarakat

Projek penyelidikan ini memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenalpasti pengetahuan mereka terhadap nilai warisan bagi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tapak arkeologi ini. Pengetahuan daripada sudut ekonomi, politik, budaya dan juga sosial juga sangat penting. Hal ini kerana, ia sangat penting dalam proses pemuliharaan warisan budaya bagi melindungi dan menjaga warisan ketara ini daripada terus hilang. Disebabkan itu, pemuliharaan sesebuah tapak warisan ini penting kerana ia merupakan salah satu tunjang utama warisan negara dan juga boleh menjadi sebuah tarikan pelancong yang datang berkunjung ke sini.

Pengiktirafan oleh UNESCO terhadap kawasan tapak Arkeologi ini adalah merupakan salah satu langkah yang diambil bagi melindungi tapak itu sendiri. selain itu, ia juga dapat membuka mata masyarakat bahawa dihadapan mereka itu adalah merupakan sebuah permata yang harus dijaga dengan sebaiknya. Kerana ia merupakan salah satu tinggalan nenek moyang kepada kita. pemeliharaan yang dilakukan terhadapnya dapat membuka lagi mata masyarakat yang datang ke situ, tentang pentingnya menjaga hak warisan budaya kita.

1.7.3. Institusi

Pihak institusi dapat mengambil beberapa inisiatif yang lain dalam melakukan aktiviti pemuliharaan yang lain. Dalam memelihara warisan budaya ini supaya terus kekal kepada generasi akan datang. Bukan sahaja itu, pengajaran dan pembelajaran mengenai tentang kepentingan memelihara dan memulihara warisan yang terdapat di negara ini adalah sangat penting. Supaya dapat melatih semangat jati diri yang tinggi terhadap para remaja dan juga generasi masa kini dan hadapan.

1.8 Penutup

Secara keseluruhannya, pada bahagian ini pengkaji telah menerangkan mengenai tajuk kajian yang akan dilakukan dan juga sedikit ulasan mengenai pengenalan, latar belakang kajian dan juga latar tempat kajian bagi membataskan kajian yang dikaji. Selain itu, pengkaji juga telah mengemukakan permasalahan kajian dan juga persoalan kajian yang timbul daripada tajuk kajian tersebut. Dengan adanya, permasalahan dan juga persoalan kajian pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif kajian bagi memudahkan proses pelaksanaan kajian ini

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tapak Arkeologi Sungai Batu adalah merupakan salah satu tapak kajian penyelidikan arkeologi yang telah diterokai. Tapak arkeologi ini adalah merupakan salah satu lambang kegemilangan Kedah Tua pada suatu ketika dahulu. Sebelum pembangunan tapak arkeologi ini, kawasan ini adalah merupakan tanah persendirian milik penduduk tempatan. Pihak Jabatan Warisan Negara bersama Pejabat Daerah Negeri Kedah telah berganding bahu dalam mendapatkan persetujuan masyarakat tempatan untuk menyerahkan tanah mereka kepada pihak JWN bagi usaha membangunkan tapak arkeologi terbabit. Dan kesepakatan telah pun dicapai.

Dalam bab ini, akan membincangkan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang lepas. Menurut P. Roddis et al., penerimaan masyarakat dalam melakukan kajian diatas tanah persendirian dalam sangat penting. Hal ini adalah kerana, mereka perlu menitikberatkan tentang keselamatan masyarakat yang tinggal disekitar kawasan tersebut dan juga tentang penggunaan tanah persendirian penduduk tempatan sebagai tapak kajian.

Pemilihan tapak kajian juga haruslah dipilih berdasarkan kepentingan dan juga bahan yang terdapat pada tapak tersebut. Mereka harus menggunakan beberapa pendekatan untuk memperoleh kepercayaan masyarakat dan menggunakan tanah persendirian sebagai tapak pemuliharaan sumber ekologi dan budaya. Namun,

pemerolehan dan perancangan guna tanah kawal selia adalah saling berkaitan, baik dari segi strategi politik dan hasil pemuliharaan.

2.2 Subchapter Literature Review

2.2.1 Impak yang dibawa keatas tapak persendirian

Di luar negara terutamanya terdapat beberapa kajian kes yang dilakukan oleh pihak penyelidik diatas tanah persendirian dan melibatkan masyarakat sekitar. Penerimaan masyarakat terhadap kajian yang dilakukan ini haruslah dilakukan selepas penerangan yang khusus dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab sebelum mereka membuat keputusan mengenai persetujuan mereka (P. Roddis et al., 2018). Hal ini adalah kerana ini bakal melibatkan tentang penggunaan tanah persendirian penduduk tempatan yang terlibat dikawasan tersebut.

Pembinaan tapak kajian diatas tanah milik persendirian ini perlu mendapatkan keizinan pihak pemilik tanah tersebut. Iaitu selepas mereka diberikan penerangan mengenai tentang kajian apa dan juga kadar jangka masa tanah tersebut bakal digunakan. Jika kajian tersebut berjaya, maka pihak penyelidik haruslah mengubah status pemilikan tanah tersebut. Terdapat beberapa kajian yang melibatkan kemusnahan yang sangat dahsyat yang menyebabkan kerugian yang sangat besar dan juga tapak tersebut tidak dapat dibangunkan semula.

Antaranya ialah Pembangunan teknologi nuklear di chernobyl, Russia, Fukushima, Jepun dan juga di Balok, Pahang. Pembangunan teknologi nuklear di Pahang mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk setempat berikutan daripada insiden kejadian ledakan nuklear yang terjadi di Fukushima pada waktu tersebut dan menyebabkan projek tersebut tidak dapat diteruskan. Seperti yang berlaku di Chernobyl Russia, tapak kajian nuklear tersebut meledak dan menyebabkan masyarakat yang tinggal di kawasan sekitar tersebut terkesan dengan ledakkan terbabit. (Britannica, 2022) Para penyelamat juga tidak boleh masuk ke kawasan tersebut disebabkan oleh radiasi nuklear yang amat tinggi pada ketika itu. Terdapat 134 staff dan pihak penyelamat yang terawal sampai ditapak terbabit dimasukkan ke hospital akibat daripada terkena radiasi yang amat tinggi dan mereka yang tinggal tidak jauh dari kawasan nuklear terbabit dijangkakan akan mengalami kanser akibat daripada radiasi yang diterima oleh mereka dan dijangka akan meninggal dalam masa 10 tahun akan datang. Akan tetapi, impak yang diberikan daripada kajian penyelidikan tapak kajian arkeologi tidaklah seteruk apa yang berlaku seperti Chernobyl dan juga Fukushima.

Kajian penyelidikan arkeologi juga banyak memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga alam semula jadi dan memulihara warisan yang terdapat disitu. Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti penyelidikan adalah perlu. Hal ini kerana, mereka perlu belajar tentang proses kajian terbabit dan juga perlu mengetahui tentang prosedur sesuatu kajian

penyelidikan. Supaya, mereka dapat memperbaiki kualiti hidup mereka dan juga ilmu pengetahuan yang sedia ada. (Kathiseran, 2006)

Sebagai contohnya, di Bali, Indonesia, penduduk tempatan mengambil inisiatif melibatkan diri bersama-sama pihak pelancongan dalam membangunkan aktiviti pelancongan di kawasan terbabit. Kampung Bedulu sangat berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan warisan budaya dan juga gaya hidup masyarakat kampung tersebut yang masih mengekalkan adat-adat warisan lama menjadikan kampung tersebut sebagai tapak pelancongan yang berpotensi.

Ini dapat memberikan impak kepada penduduk dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran. Apabila penduduk terlibat secara langsung dalam aktiviti penyelidikan ini, Ardika, 2011 menjelaskan bahawa penduduk kampung haruslah menjadi pelakon secara langsung atau tidak langsung dan komuniti tempatan yang mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dijalankan tidak mustahil aktiviti bersama komuniti dapat direalisasikan dengan baik.

2.2.2 Faktor penyebab persetujuan masyarakat tempatan terhadap penyelidikan arkeologi

Reaksi penduduk tempatan adalah merupakan salah satu perkara yang terpenting semasa melakukan beberapa perubahan. Hal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka. Akan terdapat berbagai pendapat dan juga reaksi yang bakal diberikan oleh penduduk kampung semasa proses awal penyelidikan ini dijalankan. Hal ini adalah mungkin kerana

mereka berpendapat bahawa kajian yang dilakukan ini bakal menjejaskan infrastruktur dan juga punca kewangan mereka.

Faktor-faktor persetujuan ini juga bergantung kepada beberapa faktor iaitu politik, sosial dan ekonomi. (bahari, 2009). Faktor politik adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat bersetuju tentang sesebuah rancangan projek. Antaranya ialah dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu yang menolong ataupun yang dapat memujuk penduduk kampung supaya bersetuju terhadap projek yang bakal dijalankan.

Faktor sosial pula, ialah merupakan tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap latar belakang seseorang responden terbabit. Cara hidup, latar sosial mereka, dan bentuk kehidupan mereka juga mempengaruhi keputusan yang dibuat. Faktor ekonomi pula, adalah merupakan keadaan sosio ekonomi ekonomi pada ketika itu. Kedudukan sosio ekonomi setiap keluarga juga merupakan salah satu faktor pendorong terhadap penyetujuan masyarakat terhadap rancangan projek yang bakal yang dijalankan.

Persetujuan pihak masyarakat tempatan haruslah dibuat selepas mereka diberikan penerangan mengenai impak kajian penyelidikan ini terhadap tanah milik mereka. Hal ini kerana, tidak semua kajian penyelidikan yang dilakukan adalah berjaya. Ada juga yang gagal. Kegagalan kajian tersebut bakal memberikan impak yang besar kepada persekitaran kawasan tersebut dan juga tanah ataupun rumah yang digunakan. Para penduduk harus diberikan

pandangan situasi seperti itu, supaya nanti di kemudian hari tiada kesalahpahaman yang berlaku disebabkan hal ini.

2.2.3 Reaksi Masyarakat Tempatan Terhadap pengambilan rumah

Pengambilan rumah adalah merupakan salah satu isu yang agak besar kepada para penduduk. Hal ini adalah kerana, banyak kemungkinan yang harus dipertimbangkan bagi setiap isi keluarga yang terdapat disitu. Antara penyebab yang sering menjadi masalah adalah jarak tempat kerja mereka dari kawasan tapak perumahan yang baru, kemudahan tempat tinggal yang diberikan oleh pihak berkenaan adakah memenuhi keselesaan dan juga kemudahan yang disediakan. (Bahari,1988)

Kebanyakan penduduk haruslah memikirkan keselesaan hidup mereka terlebih dahulu, apa yang lebih mudah dan juga kedudukan ekonomi juga merupakan salah satu punca.(Bahari,1988) Hal ini adalah kerana, jika kawasan perumahan baharu yang disediakan oleh pihak pemaju agak jauh dari tempat tinggal yang asal jadi terdapat masalah dalam pergerakan ke tempat kerja.

2.2.4 Reaksi penduduk terhadap pengambilan tanah

Reaksi penduduk terhadap pengambilan tanah oleh pihak kerajaan bagi kerja-kerja penyelidikan adalah dibenarkan mengikut Akta yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi memudahkan kerja-kerja pembangunan dijalankan. Antara akta yang dikenakan ialah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960).

(Nooraida, 2011). Akta ini membolehkan pihak kerajaan mengambil tanah penduduk tempatan bagi tujuan yang berkenaan.

Akan tetapi harus mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan juga membayar pampasan terhadap penduduk yang terlibat dalam pengambilan tanah terbabit. Sebagai contoh pengambilan tanah penduduk tempatan disebabkan oleh pembinaan empangan timah tasoh. Reaksi penduduk pada awalnya kebanyakan menentang keputusan pengambilan tanah ini akan tetapi terpaksa akur kerana projek ini adalah merupakan persetujuan masyarakat bagi pembinaan dan mereka pun telah diberikan pampasan yang secukupnya mengikut apa yang telah ditetapkan oleh APT 1960. (Firdaus, 2021)

2.2.5 Pengetahuan penduduk tempatan terhadap aktiviti penyelidikan yang dijalankan

Aktiviti penyelidikan yang dilakukan oleh pihak pengkaji adalah bukan sahaja berkait dengan artifak dan tapak kajian sahaja. Tetapi masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut juga harus diberikan pendedahan dan juga penerangan yang khusus. Hal ini adalah supaya, dapat memastikan mereka mengetahui tentang proses penyelidikan yang sedang di jalan di tapak terbabit.

Pengetahuan para penduduk mengenai kajian ini adalah supaya mereka sentiasa cakna tentang setiap perubahan yang terjadi kepada kawasan tempat tinggal mereka. Komuniti dan warisan adalah merupakan sebuah gabungan iaitu dimana warisan kekal ditempatnya dan komuniti menceritakan mengenai

sesebuah warisan tersebut. Laurajane, 2012 berpendapat bahawa komuniti dan warisan sering berkait rapat. Jadi aktiviti penyelidikan seharusnya tidak tertumpu kepada bahan warisan semata mereka harus menitik beratkan tentang cerita-cerita rakyat yang disampaikan oleh para penduduk kampung kepada umum dan menjadikan satu jalan cerita yang menarik bagi sesebuah warisan tersebut.

2.2.6 Reaksi Penduduk Malaysia terhadap kajian penyelidikan Arkeologi

Penyelidikan arkeologi yang dijalankan adalah merupakan salah satu kesedaran oleh pihak berwajib dalam melindungi warisan budaya negara malaysia daripada terus pupus dan menghilang. Antara salah satu contoh kesedaran daripada pihak berwajib adalah dengan melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di seluruh Malaysia. (Abdul Aziz, 2014) Selain, mewartakan tapak-tapak bersejarah sebagai salah satu tapak warisan dunia dengan kerjasama UNESCO bagi melindungi tapak warisan terbabit daripada diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. (Nurfashihah et. al, 2021)

Selain itu, reaksi penduduk tempatan pula tentang kajian penyelidikan yang dilakukan adalah mereka menerimanya dengan sangat baik. Hal ini adalah kerana, banyak lawatan sambil belajar yang dilakukan oleh pihak sekolah ke kawasan penyelidikan arkeologi dan hal ini adalah supaya dapat memberikan pendedahan awal terhadap aktiviti penyelidikan. Aktiviti penyelidikan ini penting untuk diberikan pendedahan terutama kepada guru-guru sejarah di

sekolah supaya dapat memudahkan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap para pelajar. (Punitha Muniandy, 2014)

2.3 Teori Kajian

Teori kajian bagi kajian ini ialah menggunakan teori tinjauan penyelidikan. Pengkaji melakukan tinjauan ke atas pendapat masyarakat mengenai penerimaan masyarakat tentang aktiviti penyelidikan yang dilakukan diatas kawasan tanah persendirian. Kajian ini merangkumi tentang pendapat masyarakat, reaksi dan juga permasalahan yang dihadapi tentang pengambilan tanah mereka untuk dijadikan tapak bagi sesebuah tempat penyelidikan.

Selain itu, teori kajian ini memerlukan pengkaji untuk pergi ke tapak berkenaan dan melakukan kajian tentang pendapat mereka pada masa sekarang. Pengetahuan mereka tentang kajian yang dilakukan juga penting supaya dapat membantu para pengkaji dalam menyebarkan maklumat mengenai sesebuah kajian yang dilakukan bagi tujuan pembelajaran.


2.4 Penutup

Kesimpulannya, kajian penyelidikan arkeologi ini banyak memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan yang telah dibina oleh generasi terdahulu. Kajian penyelidikan yang dilakukan juga haruslah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan juga kajian ini haruslah tidak membahayakan masyarakat tempatan yang tinggal dikawasan berdekatan tapak kajian. Penglibatan daripada masyarakat tempatan juga sangat penting kerana


mereka juga adalah merupakan antara pembawa ataupun pewaris warisan yang telah ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu seperti gaya hidup, cara pemakaian, pekerjaan seharian dan adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat tempatan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan sebagai kegiatan dalam mengumpul dan menganalisis data secara tersusun. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini memerlukan metodologi yang baik sebagai cara memperoleh dapatan kajian yang sempurna. Metodologi kajian yang digunakan haruslah menggunakan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah dan berkualiti.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisa data yang telah diambil oleh pengkaji tentang penerimaan masyarakat tempatan dan juga pendapat mereka tentang kajian penyelidikan yang dijalankan di tapak penyelidikan arkeologi lembah bujang, merbok, kedah. Antara aspek yang perlu diberikan penekanan oleh pengkaji adalah tentang pendapat masyarakat tentang kajian penyelidikan yang dilakukan. Selain itu, penerimaan mereka terhadap penyelidik yang datang ke tempat mereka melakukan kajian penyelidikan ini. Setiap kajian dan temubual yang dilakukan oleh pengkaji melalui tajuk ini adalah bertujuan supaya dapat membantu dari segi pengumpulan data maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan kajian ini.

Secara amnya, kajian ini telah menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik. Gabungan daripada kedua-dua kajian ini

amat sesuai digunakan bagi memudahkan kajian terutama kajian pada masa kini. Disamping itu, berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, penulisan akan lebih memfokuskan kepada pendekatan kajian kepada pendekatan yang bersifat kualitatif.


3.1.1 Pendekatan Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif adalah merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik yang lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Kajian kuantitatif ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian intervensi dan non-intevensi. Kajian intervensi adalah merupakan kajian eksperimen dan kajian non-intervensi adalah merupakan kajian yang dilakukan secara tinjauan dan kajian korelasi. Menurut John W. Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah merupakan kajian penyelidikan pendidikan dimana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, dan mengumpul data yang boleh dikuantitikan.

Kajian ini dilakukan secara soal selidik dengan menggunakan kaedah Google Form dan juga penggunaan borang soal selidik yang akan diberikan kepada penduduk yang tinggal berdekatan di kawasan kajian. Sebanyak 400 responden dipilih untuk diberikan borang soal selidik untuk mengetahui tentang pendapat mereka terhadap penerimaan mereka tentang kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak kajian Arkeologi Lembah Bujang. Selain itu, ingin mengetahui tentang pengetahuan mereka terhadap penyelidikan yang dilakukan dan juga penglibatan mereka bersama penyelidik yang terlibat. 400 responden yang dipilih ini adalah merupakan mereka yang tinggal di kawasan

lembah bujang itu sendiri. Hal ini adalah disebabkan oleh bagi memastikan responden yang menjawab persoalan ini untuk mengkaji adakah mereka cakna tentang apa yang berlaku dip persekitaran mereka.

3.2 Rekabentuk Kajian



Rajah 3.1 reka bentuk kajian

3.3 Instrumen Kajian

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah merupakan salah satu cara bagi mengkaji memperoleh maklumat. Pengkaji melakukan lawatan ke tapak penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang terperinci tentang kajian yang dilakukan di

tapak terbabit. Selain itu pengkaji juga melakukan pemerhatian terhadap beberapa perkara mengenai keadaan kawasan tapak penyelidikan, reaksi masyarakat tempatan, penerimaan mereka, permasalahan yang berlaku semasa projek penyelidikan ini dilakukan.

Kesemua aspek ini harus dipertimbangkan supaya dapat menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji diawal kajian. Aspek pemerhatian ini bukan sahaja daripada aspek pandangan pihak masyarakat tempatan sahaja, pengkaji juga akan mendapatkan pandangan para penyelidik terhadap masyarakat tempatan juga.

3.3.2 Kaedah soal selidik

Kaedah soal selidik ini adalah merupakan salah satu cara bagi memperkembangkan jawapan seseorang individu dan mengukuhkan pandangan ataupun pendapat bagi sesuatu kajian tersebut. (Gordon and Stover, 1976) Kaedah soal selidik ini dilakukan bagi mendapatkan pendapat masyarakat sekitar tentang kajian penyelidikan yang dilakukan. Kaedah soal selidik ini dilakukan adalah dengan menggunakan *Google Form*.

Kajian ini dilakukan kepada 400 orang yang tinggal di kawasan berdekatan dengan tapak kajian tersebut dan juga yang tinggal di daerah berdekatan dengan kawasan yang terlibat. Hal ini kerana, untuk mengetahui tentang pengetahuan masyarakat tentang kajian yang dilakukan dan juga penglibatan mereka bersama pihak yang bertanggungjawab bagi membangunkan kawasan kajian. Selain itu, sepanjang kajian penyelidikan ini dilakukan adakah penyelidikan yang dilakukan ini membahayakan masyarakat setempat.

Jumlah responden yang telah ditetapkan ini adalah merupakan 20% daripada jumlah populasi penduduk yang terdapat di daerah terbabit mengikut kepada teori pengiraan populasi. Pengiraan saiz sampel ini sangat penting kerana bagi memastikan anggaran yang terhasil tersebut tepat dan mengikut tahap ketepatan yang dikehendaki.

Ketepatan yang dikira adalah mengikut formula pengiraan sampel yang telah ditetapkan. Statistik yang telah ditetapkan oleh pengkaji dan juga level keyakinan ialah 95% dan margin kesalah adalah 5%. Keseluruhan jumlah sampel yang sepatutnya diambil oleh pengkaji adalah 384 orang sampel daripada populasi penduduk daerah Kuala Muda ialah 512,200 orang penduduk keseluruhan.

$$\text{Sample size} = \frac{\frac{z^2 \times p(1-p)}{e^2}}{1 + \left(\frac{z^2 \times p(1-p)}{e^2 N} \right)}$$

Gambar 3.1 Formula bagi pengiraan saiz sampel

Soalan bagi soal selidik yang dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif dan juga persoalan kajian yang dikaji. Bagi menjawab persoalan dan juga objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji soalan yang dibina bagi soal selidik yang bakal dijalankan adalah berdasarkan kepada elemen tersebut. Soalan yang dibuat akan disemak oleh penyelia dan pilot test akan dilakukan sebanyak 3 kali bagi memastikan kelancaran untuk pihak responden dalam menjawab persoalan yang telah disediakan.

Soalan dibuat adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan dan juga beberapa rujukan lain seperti objek pertama yang dijumpai dan juga beberapa soalan lain yang berkaitan. Sebagai contohnya “adakah penglibatan masyarakat dan juga penyelidik secara langsung di tapak penyelidikan tersebut?”. Soalan akan dibuat mengikut skala likert iaitu skala sangat tidak setuju sehingga skala sangat setuju. Terdapat juga beberapa soalan yang akan diletakkan yes or no. Merujuk kepada lampiran A, senarai soalan yang disediakan adalah berdasarkan kepada 3 objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji diawal kajian. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan kajian ini telah menjawab persoalan dan juga melengkapkan kajian. (Lampiran A)

3.4 Pensampelan Kajian

Pengkaji akan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah. Menurut Merrigan dan Huston (2004), terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan pemilihan kaedah persampelan rawak mudah ini antaranya ialah:

1. Penyelidik perlu mengenalpasti sampel kajian yang dipilih
2. Penyelidik perlu menyediakan senarai lengkap ahli yang akan menjadi populasi kajian untuk diundi secara rawak
3. Penyelidik perlu memilih sampel berdasarkan peluang dan keberangkatanian setiap ahli yang dipilih untuk menjadi sampel kajian

Menurut, Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), pensampelan merupakan salah satu proses dimana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk

mbolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu. Pengkaji telah memilih 50 orang responden daripada daerah yang terlibat untuk mengkaji tentang pengetahuan mereka mengenai kajian penyelidikan yang dijalankan di tapak arkeologi sungai batu. 400 orang responden ini terdiri daripada masyarakat tempatan. Kaedah soal selidik ini dijalankan dengan menggunakan *Google Form* dan borang soal selidik. Jadi, responden yang terlibat hanya perlu mengisi google form yang telah diberikan oleh pengkaji tanpa perlu ada pertemuan bersama pengkaji di tapak kajian.

Kriteria responden yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi menjawab soal selidik yang telah dikemukakan oleh pengkaji adalah merupakan masyarakat tempatan yang tinggal di daerah Sungai Petani sahaja. Kriteria yang telah ditetapkan ini adalah berdasarkan kepada populasi dan juga ketepatan data yang ingin diperolehi. Pemerolehan data yang lebih lanjut adalah berdasarkan kaedah temu bual yang dijalankan pengkaji. Kaedah soal selidik yang dilakukan ini adalah untuk menyokong pendapat dan juga data yang diperolehi oleh pengkaji.


3.5 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Pada peringkat awal kajian pengkaji menjalankan beberapa penyelidikan berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Membuat beberapa rujukan daripada perpustakaan berkenaan dengan tajuk yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu penerimaan masyarakat terhadap penyelidikan yang dijalankan di tapak arkeologi sungai batu. Pemilihan artikel penyelidikan adalah berdasarkan oleh tentang kajian penyelidikan yang dilakukan di atas tanah persendirian, reaksi penduduk

tempatan dan juga kejayaan mahupun kegagalan kajian penyelidikan yang dijalankan diatas tanah persendirian.

Setelah, pengkaji menjalankan pemerhatian keatas tapak kajian, pengkaji akan mengeluarkan Google Form untuk diisi oleh 400 responden yang tinggal berdekatan dengan kawasan kajian ataupun mereka yang tinggal didaerah berdekatan. Soalan yang diajukan adalah berkaitan dengan pendapat mereka terhadap kajian penyelidikan yang dilakukan. Selain itu, sejauh manakah pengetahuan mereka tentang kajian penyelidikan yang dilakukan dan juga penglibatan mereka bersama pihak berwajib bagi memupuk hubungan diantara kedua belah pihak.

Akhir sekali, pengkaji melakukan kajian di perpustakaan bagi mengukuhkan lagi kajian yang telah dilakukan pengkaji. Melakukan kajian dan juga tinjauan mengenai kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik yang terdahulu. Hal ini adalah kerana bagi memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji tidak menjadi bertindih bersama kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas. Penambahan maklumat yang berkaitan seperti konflik yang terjadi diantara penyelidik dan juga penduduk tempatan dan juga cara mengatasinya.



Rajah 3.2 proses pengumpulan data

3.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, setiap kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji didalam kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dari segi pengumpulan data. Samada memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada masyarakat tempatan tentang penyelidikan yang dilakukan dan juga membantu pengkaji dalam memperolehi maklumat yang tepat serta memudahkan pengumpulan data dalam melakukan kajian ini. Melalui kaedah yang digunakan dapat memudahkan pengkaji memperoleh maklumat dan data yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam penyelidikan ini.

BAB 4

Dapatan Kajian

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji dikawasan daerah Sungai Petani yang bertumpu kepada komuniti setempat. Dapatan kajian ini dilakukan untuk mengkaji tentang pendapat masyarakat mengenai kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi Sungai batu, Merbok.

Hasil kajian ini adalah mewakili pendapat masyarakat tentang penerimaan mereka terhadap kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi sungai batu, merbok, kedah. Didalam kajian ini pengkaji telah mengemukakan 3 objektif kajian yang menjadi tunjang utama kepada kajian penyelidikan ini, iaitu, mengenalpasti pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak tersebut, mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di tapak arkeologi sungai batu dan mengkaji keberkesanan aktiviti arkeologi itu sendiri terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri. Berdasarkan objektif yang telah dikemukakan ini, pengkaji telah menjalankan satu soal selidik bagi mengenalpasti pendapat masyarakat tempatan mengenai kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi sungai batu, merbok, kedah.

4.1 Analisis Kajian

Analisis kajian adalah merupakan hasil kajian yang didapati daripada hasil soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji terhadap masyarakat mengenai pendapat mereka tentang kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi sungai batu, kedah. Analisis ini dilakukan berdasarkan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Terdapat 36 soalan yang telah disediakan oleh pengkaji kepada masyarakat setempat melalui kaedah soal selidik secara google form yang telah diberikan kepada masyarakat setempat. Analisis kajian yang dilakukan adalah mengikut soalan yang telah dikemukakan dan juga jawapan daripada pendapat yang telah diperolehi.


4.1.1 Pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak tersebut.

Objektif kajian ini dikemukakan adalah kerana untuk mengkaji adakah masyarakat setempat cakna mengenai aktiviti arkeologi yang dilakukan. Analisis bagi pengetahuan masyarakat adalah sangat penting. Hal ini adalah kerana, untuk mengetahui adakah mereka telah diberikan pendedahan oleh agensi kerajaan mahupun NGO yang berkaitan mengenai kajian yang dilakukan dan adakah mereka terlibat sekali dalam kajian penyelidikan yang dilakukan tersebut.

Hal ini adalah disebabkan oleh, kebanyakan responden ini tinggal berdekatan dengan kawasan kajian tersebut. Terdiri daripada beberapa kawasan tapak kajian tersebut adalah merupakan kawasan tempat tinggal masyarakat disitu. Jadi, mereka sangat peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dikawasan itu. Mereka juga kebanyakannya melakukan kerja-kerja kampung dan melakukan banyak aktiviti harian berdekatan dengan kawasan tapak kajian.

Bagi soalan pertama yang ditelah dikemukakan oleh pengkaji ialah, “saya sangat peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak warisan” soalan ini dikemukakan adalah untuk mengkaji kepekaan masyarakat tentang perkembangan dan juga perubahan yang dilakukan oleh penyelidik dikawasan terbabit. Hasil kajian adalah berdasarkan kepada carta yang ditunjukkan dibawah:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Carta 4.1 Saya Sangat Peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak warisan

Dapat dilihat disini bahawa peratusan bagi mereka yang peka mengenai perkembangan dan juga perubahan yang berlaku di tapak warisan tersebut menyama'l peratusan mereka yang tidak pasti mengenai status perubahan dan juga perkembangan yang berlaku iaitu 29%. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat dikawasan setempat tidak mengambil tahu mengenai perubahan yang dilakukan di tapak kajian mereka. 24% daripada carta tersebut bersetuju bahawa mereka mengambil serius mengenai perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak tersebut.

Hal ini adalah disebabkan oleh, kebanyakan responden ini tinggal berdekatan dengan kawasan kajian tersebut. Terdiri daripada beberapa kawasan tapak kajian tersebut adalah merupakan kawasan tempat

tinggal masyarakat disitu. Jadi, mereka sangat peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dikawasan itu. Mereka juga kebanyakannya melakukan kerja-kerja kampung dan melakukan banyak aktiviti harian berdekatan dengan kawasan tapak kajian.

Bagi soalan kedua pula, “pihak kerajaan memandang enteng dalam mempromosikan tapak ini sebagai salah satu tapak warisan bersejarah”



Carta 4.2

Sebanyak 52% daripada masyarakat sangat bersetuju bahawa pihak kerajaan memandang enteng dalam mempromosikan tapak ini sebagai salah satu tapak warisan bersejarah. sebanyak 22% tidak bersetuju tentang pernyataan ini dan 23% lagi daripada masyarakat ini tidak pasti mengenai pernyataan ini. hal ini menunjukkan bahawa penduduk setempat berpendapat bahawa, pihak kerajaan haruslah berusaha dengan lebih keras dalam mempromosikan tapak ini sebagai salah satu

tapak warisan bersejarah yang boleh dijadikan sebagai salah satu tempat tumpuan pelancong.

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan ini menunjukkan bahawa pihak bertanggungjawab tidak memandang serius dalam menjadikan tapak warisan ini sebagai salah satu tempat tumpuan pelancong. Hal ini kerana, Malaysia merupakan salah satu negara yang kaya dengan warisan dan juga adat budayanya yang tersendiri. Menjadikan negara Malaysia sebagai salah satu negara pelancongan warisan bakal menarik lebih banyak pelancong untuk datang ke negara ini.




Carta 4.3

Sebanyak 42% sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa tujuan kajian penyelidikan ini dilakukan adalah untuk melindungi tapak warisan budaya itu sendiri. selain itu 16% tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa kajian penyelidikan yang dilakukan ini adalah untuk melindungi

tapak itu sendiri dan sebanyak 13% tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Hal ini adalah disebabkan oleh, seperti yang kita dapat lihat bahawa tapak arkeologi lembah bujang yang telah pun eskavasi dan juga dikonservasi supaya dapat kekal untuk generasi yang seterusnya. Dengan kajian penyelidikan yang dilakukan dapat menyelamatkan khazanah warisan yang tertanam dikawasan terbabit. Selain itu, peritus 16% tidak bersetuju dengan pernyataan yang telah dinyatakan oleh pengkaji adalah disebabkan oleh, kajian penyelidikan yang dilakukan telah mengganggu khazanah warisan tersebut yang sepatutnya dibiarkan kekal berada disitu.



Carta 4.4


Kebanyakan bersetuju bahawa dengan penglibatan agensi kerajaan dalam memperkenalkan tapak warisan bersejarah ini kepada pelancong

didalam dan luar negara adalah sangat penting iaitu dengan peratusan sangat bersetuju dan setuju masing-masing 45% dan 28%. Manakala hanya, segelintir sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan pengkaji iaitu sangat tidak bersetuju dan tidak setuju masing-masing mendapat peratusan sebanyak 4% dan 11%. Dan sebanyak 12% tidak pasti mengenai pernyataan tersebut.

Kebanyakan masyarakat tempatan bersetuju kerana pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menyokong pihak NGO dan juga penyelidik dari segi mempromosikan dan juga memperkenalkan tapak tersebut kepada umum. Hal ini adalah kerana, pihak kerajaan dapat menjalankan beberapa kempen dan juga promosi untuk menyebarkan kesedaran tentang pentingnya menjaga tapak warisan bersejarah ini dan juga menjadikan ia sebagai salah satu tapak pelancongan warisan. Berdasarkan analisis diatas, berkemungkinan bahawa penduduk berpendapat bahawa pihak kerajaan tidak mengambil Tindakan serius dalam mempromosikan tapak ini kepada umum.

MALAYSIA

KELANTAN




Carta 4.5

Sebanyak 70% bersetuju bahawa tapak penyelidikan arkeologi ini memberikan kesan yang mendalam terhadap semangat cintakan negara dalam diri mereka. Iaitu dengan 41% dan 29% masing-masing bagi sangat bersetuju dan juga setuju didalam carta diatas. Selain itu terdapat 15% tidak pasti dengan pernyataan yang telah dikemukakan. Dan juga sebanyak 15% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, 4% sangat tidak bersetuju dan 11% tidak bersetuju dengan pernyataan diatas.

Tapak arkeologi ini adalah merupakan tapak warisan budaya tinggalan zaman kegemilangan kedah tua lagi. Iaitu dimana zaman sebelum merdeka lagi. Tapak arkeologi ini juga telah menjadi saksi bisu kepada zaman kegemilangan kerajaan kedah tua dan juga pada zaman peperangan tanah melayu dan siam. Jadi tapak ini haruslah dilindungi

dan dijaga dengan baik supaya generasi seterusnya juga dapat melihat khazanah warisan ini.



Carta 4.6

Berdasarkan carta diatas sebanyak 31% sangat bersetuju dan 27% bersetuju bahawa mereka sangat cakna tentang aktiviti arkeologi yang dijalankan ditapak arkeologi tersebut. selain itu, sebanyak 5% sangat tidak bersetuju dan 12% tidak setuju bahawa mereka sangat peka dalam mengambil tahu mengenai aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi tersebut. dan peratusan sebanyak 25% tidak pasti,


58% bersetuju bahawa mereka sangat peka iaitu mewakili masyarakat tempatan ataupun komuniti yang terlibat dan juga memberikan Kerjasama dalam program ataupun penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi terbabit. 25% daripada mereka tidak pasti adalah

merupakan mereka yang tidak melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti yang dianjurkan oleh NGO ataupun penyelidik Bersama komuniti tempatan yang tinggal dikawasan terbabit. Dan 17% selebihnya adalah mereka yang tidak mengambil tahu mengenai apa yang berlaku di tapak arkeologi sungai batu terbabit.

Ini adalah disebabkan oleh beberapa factor antaranya ialah, kebanyakan masyarakat ini tinggal berdekatan dengan kawasan tapak kajian. Jadi, mereka sangat terdedah dengan kajian yang dilakukan oleh pihak penyelidik. Selain itu, pihak penyelidik banyak memberikan penerangan tentang kajian yang mereka lakukan kepada masyarakat tempatan supaya mereka tahu tentang kepentingan kajian ini dilakukan. Hal ini adalah kerana masyarakat tempatan berhak juga untuk mengetahui tentang apa yang berlaku dikawasan tempat tinggal mereka. Hal ini adalah mungkin disebabkan oleh beberapa perkara iaitu antaranya ialah disebabkan oleh mereka sangat berbangga dengan kejayaan penyelidikan yang dilakukan. Ini adalah berkemungkinan kerana, kebanyakan masyarakat yang tinggal dikawasan tersebut adalah merupakan penduduk asal sejak daripada generasi sebelumnya. Mungkin mereka berasa bahawa sejarah kehidupan nenek moyang mereka diangkat menjadi salah satu sumber penting dalam penyelidikan ini.

Selain itu juga berkemungkinan adalah disebabkan oleh sifat ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu tersebut menyebabkan masyarakat

sangat peka mengenai perubahan ataupun perkembangan kajian ini. kebanyakannya adalah mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan tapak kajian ini.




Carta 4.7

Berdasarkan rajah 7, sebanyak 18% tidak bersetuju bahawa ramai penyelidik yang datang untuk melakukan kajian di tapak tersebut. Selain itu, terdapat sebanyak 59% bersetuju bahawa ramai penyelidik yang datang untuk melakukan penyelidikan di tapak kajian tersebut. Hal ini telah dapat membuktikan bahawa majoriti masyarakat tempatan bersetuju mengenai pernyataan pengkaji mengenai banyak penyelidikan yang datang untuk menjalankan penyelidikan di tapak tersebut.

Hal ini adalah kerana, tapak arkeologi sungai batu ini adalah merupakan salah satu tapak penyelidikan arkeologi yang berskala besar yang


terdapat dinegara ini. Jadi tidak hairanlah jika ramai penyelidik yang datang daripada dalam dan luar negara datang untuk menjalankan penyelidikan. Tapak arkeologi ini juga adalah merupakan salah satu tapak tamadun terawal asia tenggara mengatasi Tamadun rom dan Yunani. (Nor Rafizah, 2019).



Carta 4.8

Berdasarkan rajah 8 sebanyak 72% bersetuju mengenai pembinaan muzium adalah bertujuan memudahkan pelawat untuk melihat tentang sejarah penyelidikan yang dijalankan di tapak kajian tersebut. peratusan ini adalah yang termasuk responden yang memilih “sangat setuju” dan juga “setuju” iaitu masing-masing 40% dan 32%. Selain itu, sebanyak 14% memilih tidak bersetuju. Dan selebihnya iaitu sebanyak 14% adalah tidak pasti.

Dapat disimpulkan berdasarkan analisis yang dilakukan bagi pengkaji pada soalan 8 yang mewakili objektif yang pertama, bahawa pembinaan muzium di tapak penyelidikan arkeologi sungai batu dapat membantu pelawat lebih memahami mengenai penyelidikan yang dilakukan. Hal ini adalah kerana, pembinaan muzium ini adalah merupakan salah satu inisiatif para penyelidik dan juga pihak kerajaan dalam menarik minat para pelawat untuk mengunjungi muzium ini. Selain itu juga, ia dapat memudahkan para penyelidik untuk memberikan penerangan kepada pelawat dengan adanya rajah, gambar dan juga penulisan yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang dilakukan. Disamping itu, meletakkan beberapa artifak yang dijumpai semasa kajian penyelidikan ini dilakukan juga dapat menarik minat para pelawat untuk datang ke muzium terbabit.




Carta 4.9

Berdasarkan rajah 9, 58% daripada responden bersetuju bahawa mereka banyak mendengar kisah-kisah rakyat yang diceritakan oleh generasi terdahulu mengenai sejarah di tapak kajian arkeologi ini. 21% daripada responden tidak pasti mengenai cerita-cerita rakyat yang diceritakan dan 18% daripada responden tidak bersetuju ataupun tidak pernah mendengar mengenai cerita-cerita rakyat mengenai tapak kajian tersebut.

Cerita-cerita rakyat ini adalah merupakan salah satu warisan yang turunkan oleh generasi terdahulu kepada generasi kini. Akan tetapi cerita rakyat ini kebanyakannya tidak diambil 100% kerana terdapat tokoh tambah daripada si pencerita untuk menjadikan sesebuah cerita ini lebih menarik. Cerita-cerita rakyat ini juga kadang-kadang digunakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian yang dilakukan kerana terdapat beberapa maklumat yang benar berkenaan dengan cerita ini.

Mengenai masyarakat yang tidak pernah mendengar cerita-cerita rakyat ini kebanyakan mereka yang tidak berminat sejak dari awal untuk mengetahui kisah-kisah yang terdapat ditempat tinggal mereka. Ada juga yang disebabkan oleh tokoh tambah yang ditambah dalam penceritaan menyebabkan cerita terbabit lari daripada kisah yang sebenar dan menyebabkan mereka berasa bahawa cerita rakyat ini tidak betul ataupun tidak logic.



Carta 4.10

Berdasarkan rajah 10, sebanyak 43% bersetuju bahawa mereka merupakan penduduk asal yang tinggal dikawasan tapak kajian tersebut. selain itu, terdapat 19% daripada mereka tidak pasti. Akhir sekali sebanyak 18% tidak setuju bahawa mereka merupakan penduduk asal yang tinggal ditapak kajian tersebut. sebanyak 18% juga sangat tidak bersetuju mengenai pernyataan yang dikemukakan oleh pengkaji.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan rajah 10 keatas soalan yang bernombor 10 menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk yang tinggal dikawasan terbabit adalah merupakan bukan penduduk asal yang tinggal dikawasan terbabit. Hal ini adalah disebabkan oleh kepesatan ekonomi yang terdapat dikawasan tersebut menyebabkan ramai yang berhijrah untuk mencari pekerjaan disitu.


Selain itu juga, bagi 19% yang tidak pasti mengenai adakah mereka adalah penduduk asal yang tinggal disitu adalah kerana, kebanyakan mereka tidak tahu menahu mengenai kisah atau cerita-cerita rakyat mengenai tapak terbabit. Justeru itu, mereka juga tidak pasti kerana, mereka berkemungkinan pernah berhijrah sebelum ini ke tempat lain sebelum mereka benar-benar menetap dikawasan terbabit.

Akhir sekali, majoriti masyarakat tempatan yang tinggal di tapak terbabit adalah merupakan penduduk asal yang tinggal tapak terbabit. Disebabkan itu, mereka mengetahui mengenai perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak kajian terbabit. Selain tu, mereka juga adalah merupakan adalah penduduk asal yang mengetahui sejarah tentang kajian penyelidikan yang dilakukan dan juga lebih dekat dengan Kawasan terbabit.

4.1.2 Penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di tapak Arkeologi sungai batu.

Penerimaan dan pandangan masyarakat tempatan adalah sangat penting semasa melakukan kajian penyelidikan. Hal ini berikutan adalah kerana, kajian penyelidikan sukar dilakukan disebabkan oleh masyarakat tempatan kurang memberikan Kerjasama terhadap kajian

penyelidikan yang dilakukan. Selain itu, penyelidik juga sukar untuk memperolehi maklumat ataupun sokongan untuk menjalankan penyelidikan dengan lebih baik. Kurangnya sokongan dan Kerjasama daripada masyarakat tempatan menyukarkan kajian penyelidikan ini untuk dilakukan. (Normah, 2005)



Carta 4.11

Berdasarkan carta 11, kekurangan informasi dan juga penerangan yang diberikan oleh pihak penyelidik kepada masyarakat tempatan menyebabkan penerimaan masyarakat tempatan terhadap kajian ini semakin merosot. Hal ini dapat ditunjukkan melalui hasil kajian yang diperolehi, menurut skala likert kebanyakan mereka bersetuju bahawa kekurangan informasi yang diberikan daripada pihak penyelidik ataupun daripada pihak yang bertanggungjawab. Peratusan bagi kedua-dua skala likert iaitu sangat setuju dan setuju adalah 70%. Ini bermakna


majoriti masyarakat tempatan bersetuju dengan pernyataan yang telah di utarakan oleh pengkaji.

Interaksi diantara kedua-dua belah pihak haruslah selari. Hal ini adalah kerana, apabila interaksi diantara kedua-dua belah pihak iaitu diantara penyelidik yang terdiri daripada NGO dan juga agensi kerajaan dan masyarakat tempat tidak sekata, menyebabkan urusan kedua-dua belah pihak akan menjadi lebih sukar. Ini juga akan menimbulkan kesalahfahaman diantara dua belah pihak. Disebabkan kekurangan interaksi sesama komuniti.

Selain itu, antara penyebab kekurangan informasi daripada pihak penyelidik adalah disebabkan oleh maklumat ataupun penerangan yang disampaikan oleh mereka tidak disampaikan secara menyeluruh.

Sebagai contohnya, maklumat dan penerangan yang berkaitan telah dijelaskan dengan terperinci daripada Pihak A kepada Wakil Pihak B untuk disampaikan kepada masyarakat setempat komuniti Pihak B.

Akan tetapi maklumat dan penerangan daripada wakil Pihak B ini tidak diterangkan secara menyeluruh menyebabkan masyarakat setempat di komuniti B ini kekurangan informasi.



Carta 4 12

Berdasarkan carta 12, majoriti memilih tidak bersetuju dengan pernyataan yang telah diutarakan oleh pengkaji mengenai kajian yang dilakukan tidak menepari eskpetasi masyarakat tempatan. Jumlah peratusan yang memilih sekala tidak setuju dan sangat tidak tidak setuju ialah 37% dan 33% iaitu bila dicampurkan menjadi angka genap 70%. Iaitu keseluruhan mata majoriti. Selain itu, kekerapan masyarakat tempatan memilih pilihan tidak pasti iaitu sebanyak 5%. Seterusnya bagi masyarakat yang bersetuju dengan pernyataan pengkaji adalah sebanyak 16% daripada keseluruhan majoriti.

Hal ini dapat membuktikan bahawa masyarakat tempatan memberikan sokongan penuh kepada kajian penyelidikan yang dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik menepati ekspetasi para penduduk yang mana, mereka berasa bahawa kajian ini dapat menaikkan lagi nama

Sungai Batu sebagai salah satu tapak arkeologi bagi tamadun asia yang terawal. Selain itu, dengan kerjasama dan usaha yang ditonjolkan oleh pihak agensi kerajaan dapat meyakinkan lagi masyarakat tempatan bahawa mereka benar-benar serius dengan kajian yang dilakukan.




Carta 4.13

Carta 13 menunjukkan bahawa kajian yang dilakukan di tapak kajian arkeologi ini telah banyak membuka mata masyarakat setempat tentang pentingnya untuk memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini. sebanyak 70% iaitu dianggarkan seramai 140 orang yang bersetuju mengenai pernyataan ini. akan tetapi, terdapat 23% daripada responden bagi kajian ini tidak bersetuju dengan mengenai pernyataan kajian ini.

23% ini mewakili seramai 46 orang daripada responden kajian ini tidak bersetuju bahawa kajian ini memberi impak kepada diri mereka. Selebihnya 7% daripada responden ini tidak pasti mengenai reaksi mereka tentang kajian ini memberikan impak yang positif mahupun negatif kepada diri mereka.

Kajian penyelidikan yang dilakukan ini banyak melibatkan penglibatan Bersama masyarakat tempatan. Hal ini dapat memupuk hubungan diantara masyarakat Bersama dengan penyelidik yang terdapat ditapak kajian. Seterusnya, dapat juga melahirkan rasa cinta dan bersemangat untuk memulihara tapak kajian ini sebagai salah satu tapak kajian penyelidikan dan juga boleh dijadikan sebagai tapak lawatan bagi pengunjung yang datang ke tapak tersebut.




Carta 4.14

Berdasarkan carta 14, aktiviti kajian yang dilakukan telah memberi kesan terhadap kehidupan seharian komuniti setempat. Hal ini dapat dibuktikan melalui carta 14 yang menunjukkan sebagai 50% daripada responden bersetuju bahawa kajian penyelidikan ini telah memberikan impak yang positif kepada kehidupan seharian mereka. Melalui carta ini juga, dapat dilihat sebanyak 12% daripada peratusan keputusan kajian menunjukkan bahawa mereka tidak pasti adakah kajian ini telah mengubah kehidupan seharian mereka.

Mengubah kehidupan seharian ini adalah bermaksud dimana kebiasaannya dikawasan tempat tinggal mereka tidak ramai pelancong ataupun pelawat yang datang, dan selepas kajian ini dilakukan kebiasaan kehidupan mereka berubah. Sebagai contohnya mereka banyak menerima kedatangan pelancong ataupun pelawat yang datang untuk melihat tapak penyelidikan tersebut. selain dari itu juga, peningkatan daripada segi taraf ekonomi kehidupan mereka.

Seperti yang kita tahu kebanyakan penduduk yang tinggal dikawasan tersebut kebanyakannya melakukan pekerjaan kampung sebagai contohnya peladang, nelayan, penoreh getah ataupun kerja-kerja kampung yang lain. Sejak tapak ini dibangunkan, mereka telah membuka beberapa perniagaan seperti membuka rumah tumpangan

ataupun motel dan juga tapak rekreasi bagi pelancong yang datang. Hal ini telah mengubah gaya kehidupan seharian masyarakat tempatan.




Carta 4.15

Analisis kajian yang dilakukan berdasarkan pernyataan iaitu “saya berminat untuk memberikan kerjasama terhadap penyelidik dengan memberikan maklumat mengenai tapak tersebut” hasil daripada kajian ini telah ditunjukkan di carta 15. Berdasarkan carta 15, peratusan terbesar adalah 50% iaitu bagi skala sangat setuju. Seterusnya sebanyak 32% pada pilihan setuju. Dan jika peratusan kedua-dua pilihan ini dicampurkan maka pengkaji memperolehi majoriti sebanyak 82% bahawa masyarakat tempatan bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada pihak penyelidik.

Kajian penyelidikan arkeologi adalah merupakan satu kajian dimana, melibatkan aktiviti eskavasi dan juga cari gali di tapak Kawasan kajian untuk mengumpul bukti dan juga hasil daripada kajian penyelidikan ini untuk dibuktikan dengan sejarah yang ada. Selain itu, daripada kajian eskavasi dan cari gali kajian penyelidikan secara temu bual Bersama-sama orang-orang lama juga merupakan salah satu daripada kajian penyelidikan yang dilakukan.

Kerjasama yang diberikan ini dapat membantu para penyelidik dalam menyusun Kembali “puzzle” bagi sejarah negara bagi tapak kajian tersebut. Dengan lengkapnya segala teka teki mengenai sejarah tersebut maka para penyelidik dapat memberikan penerangan yang jelas dan tepat mengenai jalur cerita mengenai sejarah ketamadunan awal asia tenggara ini.



Carta 4.16


Berdasarkan carta 16 diatas, berdasarkan pernyataan yang diutarakan oleh pengkaji iaitu sama ada masyarakat tempatan berasa terganggu

dengan kedatangan para penyelidik ke Kawasan tempat tinggal mereka untuk menjalankan kajian penyelidikan? Berdasarkan respon dan jawapan yang telah diberikan menunjukkan bahawa sebanyak 73% daripada respon yang diberikan tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka berasa terganggu dengan kemasukan para penyelidik ke Kawasan kampung. Dan sebahagian daripada 27% selebihnya daripada jumlah responden, 2% daripadanya tidak pasti tentang perkara tersebut.

Lebih peratusan iaitu sebanyak 25% bersetuju tentang pernyataan bahawa mereka berasa kurang senang dengan kehadiran para penyelidik. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh mereka berasa bahawa pihak ini cuba untuk mengambil hak mereka sebagai penduduk dan juga pemilik tanah dikawasan tersebut. Hal ini mungkin terjadi akibat daripada trauma ataupun disebabkan oleh mereka berasa kurang selesa dengan kehadiran para penyelidik ini. Jadi, hal ini menunjukkan betapa pentingnya dalam merapatkan hubungan Bersama masyarakat setempat.

MALAYSIA

KELANTAN




Carta 4.17

Berdasarkan carta diatas, kurangnya aktiviti yang dilakukan Bersama pihak agensi kerajaan menyebabkan hubungan diantara penyelidik dan juga penduduk adalah terbatas. Sebagai salah satu contohnya ialah apabila pihak agensi kerajaan dan penyelidik ini kurang membuat aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan diantara kedua belah pihak bakal menimbulkan konflik diantara kedua-dua belah pihak.

Hal ini disebabkan oleh beberapa factor antaranya, disebabkan oleh kesalahfahaman antara satu sama lain. Selain itu, kurangnya kerjasama yang diberikan oleh komuniti yang boleh menyukarkan para penyelidik memperolehi sumber bagi kajian mereka. Dan Akhir sekali adalah, berlakunya ketidakpuasan hati bagi setiap pihak disebabkan oleh kedua-dua belah pihak tidak memahami antara satu sama lain

Berdasarkan keputusan analisis kajian bagi soalan ini ialah, kebanyakan daripada masyarakat bersetuju bahawa kurangnya aktiviti


yang dilakukan Bersama komuniti. Carta 17, menunjukkan sebanyak 77% yang terdiri daripada sangat bersetuju dan setuju mengenai pernyataan yang telah diutarakan oleh pengkaji didalam soalan beliau. Selain itu, sebanyak 18% sahaja tidak bersetuju dengan pernyataan ini bahawa kurangnya aktiviti yang dilakukan Bersama komuniti. Hal ini membuktikan bahawa pentingnya dalam memupuk hubungan diantara masyarakat dan agensi kerajaan dan para penyelidik.



Carta 4.18

Berdasarkan carta yang diatas, menunjukkan bahawa terdapat 56% daripadanya sangat setuju dengan penyataan pengkaji iaitu masyarakat tempatan banyak membantu pihak penyelidik dalam memperolehi maklumat mengenai tapak kajian. Kemudiannya diikuti dengan 26% yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan amat terbuka dengan kehadiran para penyelidik bagi melakukan kajian penyelidikan tersebut. Sebagai salah satu contoh, projek Jerai Geopark.

Jerai geopark adalah merupakan salah satu inisiatif daripada kerajaan bagi memperkasakan lagi ekonomi masyarakat tempatan dan juga bagi melindungi warisan yang tidak ketara dan warisan ketara yang terdapat di sekitar Gunung Jerai. Projek ini berjaya dijalankan dengan kerjasama penduduk setempat yang turut sama turun padang semasa kajian penyelidikan ini dijalankan. Kini Jerai Geopark telahpun mendapat pengiktirafan sebagai warisan kebangsaan dan seterusnya bagi mendapatkan pengiktirafan daripada UNESCO sebagai salah satu tapak warisan bersejarah dunia.




Carta 4.19

Berdasarkan daripada carta 19, sebanyak 72% bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka banyak menyertai aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat. Seterusnya sebanyak 8% daripada responden kajian tidak pasti tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh

agensi-agensi yang terlibat. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh mereka tidak cakna dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku dikawasan tersebut. ataupun kebanyakan aktiviti ini dijalankan dengan penyertaan yang terhad menyebabkan para komuniti ini tidak mengetahui mengenai aktiviti yang dijalankan.

Disamping itu peratusan yang selebihnya iaitu sebanyak 20% daripada responden ini berpendapat bahawa mereka tidak bersetuju dengan aktiviti yang dijalankan dikawasan ini. Hal ini berkemungkinan adalah disebabkan oleh, mereka berasa bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini adalah tidak membantu dalam merapatkan hubungan Bersama dengan penyelidik. Justeru itu, pihak agensi haruslah mencari jalan lain selain melakukan aktiviti Bersama dengan penduduk bagi memupuk hubungan yang lebih harmoni Bersama dengan masyarakat setempat.




Carta 4.20

Berikut adalah merupakan analisis kepada carta 20 diatas , berdasarkan pernyataan yang telah diberikan oleh pengkaji kepada responden iaitu mengenai, dengan adanya aktiviti yang telah dijalankan masyarakat tempatan lebih memahami tujuan kajian ini dilakukan. Berdasarkan rajah diatas sebanyak 75% menyokong pernyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Hal ini menunjukkan bahawa usaha daripada agensi kerajaan, NGO dan para penyelidik adalah membuahkan hasil. Tujuan utama segala aktiviti ini diadakan adalah supaya komuniti menerima baik para penyelidik dan memahami objektif kajian ini dilakukan.

Seterusnya, sebanyak 7% daripada responden tidak pasti tentang adakah kajian yang dilakukan ini lebih membuat mereka memahami tujuan mengapa kajian ini harus dijalankan. Hal ini berikutan disebabkan oleh, mereka sendiri yang tidak memahami tujuan pihak kerajaan melakukan aktiviti tersebut. Hal ini adalah kerana, disebabkan oleh sifat tidak mengambil tahu ini menyebabkan mereka tidak dapat menangkap objektif asal program ini.

Akhir sekali adalah, sebanyak 18% responden yang berpendapat bahawa mereka tidak setuju bahawa aktiviti yang dijalankan ini membuatkan mereka lebih memahami tujuan kajian penyelidikan ini

dilakukan. Akan tetapi jika pihak komuniti sendiri yang telah menolak kajian ini walaupun pelbagai inisiatif yang telah diambil bagi memupuk hubungan diantara komuniti dan mereka yang terlibat. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa mereka lebih selesa dengan keadaan kehidupan mereka lalui sekarang ini.



Carta 4.21

Daripada carta 21 ini kita dapat lihat bahawa terdapat 76% bersetuju dengan pernyataan pengkaji bahawa mereka berasa bersemangat dalam memelihara tapak ini supaya lebih kekal terjaga. Hal ini adalah kerana, jika semangat cinta akan tapak warisan ini wujud maka pihak komuniti sendiri akan mengambil inisiatif mereka sendiri dalam melindungi tapak warisan ini supaya kekal terjaga.

Selain itu, sebanyak 5% respon dari responden bahawa mereka tidak pasti adakah mereka mempunyai semangat ciintakan tapak warisan. Tapak warisan ini haruslah dipelihara dan dipulihara supaya dapat memanjangkan hayar sesuatu bagi tapak-tapak warisan yang ada. Skhir sekali, terdapat 19% yang tidak bersetuju dengan pernyataan pengkaji. Hal ini berkemungkinan kerana mereka berpendapat bahawa kajian penyelidikan ini tidak memberi impak kepada masyarakat, jadi jika mereka berasa perasaan cinta akan negara tidak akan luntur jika mereka tidak mempunyai semangat sayang akan tapak warisan ini.

4.1.3 Keberkesanan aktiviti arkeologi terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri.



Carta 4.22

Berdasarkan carta 22, dapat dilihat bahawa penduduk tempatan bekerjasama penuh dengan kepada para penyelidik. Sebanyak 77% mewakili skala setuju dengan pernyataan bahawa penduduk

berkerjasama dengan penyelidik dalam memelihara tapak kajian tersebut supaya kekal terjaga. Hal ini adalah kerana jika kita dapat lihat bahawa masyarakat telah menerima baik kajian ini. Sebagai contohnya, penduduk yang tinggal berdekatan dengan Gunung Jerai, mereka banyak memberikan kerjasama dalam menjalankan projek Jerai Geopark.

Dengan kerjasama inilah kita akan dapat membentuk ukhwah diantara penyelidik, masyarakat tempatan dan juga agensi kerajaan yang terlibat. Selain itu, sebanyak 18% mewakili Tidak Setuju. Hal ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh, mereka berasa bahawa memberikan kerjasama kepada pihak berwajib maka hak mereka keatas tanah dan juga Kawasan tempat tinggal mereka diambil.

Akhir sekali, sebanyak 5% mewakili Tidak Pasti. Tidak pasti disini bermaksud bahawa, kebanyakan mereka tidak tahu tentang program yang dianjurkan kerana berkemungkinan kurang diwar-warkan secara menyeluruh kepada masyarakat tempatan yang lain. Hal ini kerana, berkemungkinan maklumat yang disampaikan tersebut tidak sampai ke pengetahuan mereka.




Carta 4.23

Agensi kerajaan adalah merupakan wakil daripada kerajaan sendiri bagi membantu penyelidik bagi menjalankan kajian penyelidikan daripada segi temubual Bersama penduduk kampung ataupun menjalankan program Bersama penduduk kampung. Berdasarkan carta 23 yang merupakan hasil analisis telahpun menunjukkan bahawa sebanyak 93% bersetuju bahawa agensi kerajaan banyak memberikan kerjasama dalam proses pemuliharaan ini dilakukan. Keputusan ini berdasarkan pendapat masyarakat tempatan sendiri.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat sendiri bersetuju dengan pernyataan tersebut dan memberikan respon positif terhadap soal selidik ini. Peratusan selebihnya, sebanyak 7% mewakili Tidak Pasti dan juga Tidak setuju iaitu masing-masing adalah sebanyak 1% dan 6%. Hal ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh mereka kurang mendapat

ajakan daripada pihak berwajib bagi menyertai program yang dijalankan oleh mereka.



Carta 4.24

Berdasarkan carta 24 dapat dilihat bahawa sebanyak 15% daripada masyarakat tempatan tidak bersetuju dengan pendapat pengkaji mengenai kajian yang dilakukan ini telah membuka mata mereka tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini. Hali ini adalah amat membimbangkan bagi pihak penyelidik sendiri kerana, jika tiada kerjasama yang utuh daripada pihak masyarakat maka, aktiviti pemuliharaan sukar dilakukan. Hal ini adalah kerana, tapak kajian ini haruslah sentiasa dipulihara dan dijaga supaya tidak rosak.

Sebanyak 79% bersetuju dengan pernyataan pengkaji mengenai kajian yang dilakukan telah memberi impak yang besar terhadap kehidupan mereka. Hal ini menunjukkan, kajian penyelidikan yang dilakukan sedikit sebanyak membantu dalam memupuk sifat cinta akan warisan negara ini didalam diri masyarakat dan juga generasi yang terbaru. Hal ini adalah supaya mereka mempunyai sifat sayang dan bertanggungjawab bagi memulihara warisan budaya ini.




Carta 4.25

Berdasarkan pernyataan diatas mengenai ketiadaan undang-undang yang jelas menyukarkan pihak penduduk dan penyelidik dalam mengekalkan tapak kawasan kajian ini supaya kekal terjaga adalah salah. Hal ini adalah disebabkan oleh terdapat undang-undang yang telah ditetapkan mengenai tapak kajian ini. Tapak ini juga telah pun diwartakan sebagai tapak bersejarah oleh jabatan warisan negara.

Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk menjalankan aktiviti pemuliharaan. Selain itu, sebanyak 17% dan 5% mewakili kepada pilihan tidak setuju dan tidak pasti. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan pengkaji diatas. Walhal berdasarkan Akta 645 bahawa tapak ini telah pun diiktiraf sebagai Tapak warisan Kebangsaan ini adalah mungkin disebabkan oleh kurangnya informasi mengenai hal ini kepada masyarakat menyebabkan mereka memberikan respon sedemikian.

Selain itu, hal ini juga adalah berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya Tindakan yang diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam melindungi tapak tersebut menyebabkan masyarakat tempatan berpendapat bahawa tiadanya undang-undang yang khusus tentang pemuliharaan tapak warisan bersejarah ini. Selain daripada penyelidik dan juga penduduk tempatan, pihak berwajib seperti penguatkuasa perlu mengambil Tindakan juga dalam melindungi tapak ini supaya kekal terjaga.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Carta 4.26

Tapak arkeologi sungai batu ini adalah merupakan salah satu tapak yang tepat jika pihak berwajib ingin menjadikan ia sebagai salah satu tapak warisan arkeopelancongan. Hal ini adalah disebabkan oleh keluasan tapak tersebut dan juga terdapat beberapa candi yang dibina daripada tamadun asia tenggara lagi. Hal ini dapat menarik lebih banyak pelancong untuk datang dan melihat sendiri kemegahan candi tersebut. Pembangunan tapak ini juga haruslah dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak merosakkan tapak kajian yang sedia ada.

Berdasarkan kepada carta diatas, sebanyak 90% bersetuju dengan pendapat pengkaji mengenai bahawa tapak warisan arkeologi sungai batu ini harus dibangunkan supaya dapat dijadikan sebagai salah satu tempat tumpuan pelancong. Hal ini bukan sahaja dapat menarik pelancong juga dapat membantu menaikkan ekonomi masyarakat tempatan yang duduk disitu.

Selain itu selebihnya 10% ini adalah merupakan peratusan responden yang tidak pasti dan juga tidak setuju tentang pendapat pengkaji bahawa tapak ini harus dibangunkan. Hal ini adalah kerana bagi mereka jika tapak ini dibangunkan makin banyak kerosakan yang akan dihasilkan oleh pelancong yang datang ataupun kerosakkan yang disebabkan oleh pembinaan yang dilakukan.



Carta 4.27

Pengekalan kelestarian tapak arkeologi ini supaya kekal sehingga ke generasi seterusnya adalah sangat penting. Seperti yang dibincangkan sebelum ini oleh pengkaji, aktiviti konservasi dalam memelihara dan memulihara tapak ini harus dilakukan. Hal ini adalah supaya tapak ini kekal terjaga. Mengikut peratusan keputusan yang tercatat di carta 28, dapat dilihat sebanyak 93% bersetuju bahawa mereka berasa lebih bertanggungjawab bagi mengekalkan kelestarian

tapak kajian tersebut. Hal ini juga telah dapat menunjukkan bahawa telah memahami apa yang ingin disampaikan oleh penyelidik tentang kepentingan mereka menjaga kelestarian tapak tersebut.

Selain itu sebanyak 7% tidak bersetuju dan tidak pasti mengenai pernyataan yang dinyatakan. Hal ini adalah mungkin disebabkan oleh mereka adalah merupakan responden yang bukan tinggal berdekatan dikawasan terbabit sejak dulu. Jika mereka merupakan masyarakat tempatan yang telah lama tinggal dikawasan tersebut mereka akan lebih terbuka mengenai tanggungjawab mereka dalam melindungi tapak tersebut.




Carta 4.28

Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, peruntukan seksyen 58 (1), juga membolehkan pihak berkuasa tempatan memberi perlindungan bagi monumen, tanah dan bangunan yang mempunyai

kepentingan sejarah atau seni binanya. Pihak berkuasa tempatan mempunyai hak untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dari segi memperbaiki kerosakan, mengecat semula dan menjaga daripada pencerobohan pembangunan. Oleh itu, Akta 172 dapat menghalang pihak pemaju untuk membuat sebarang pengubahsuaian dan pencerobohan kawasan-kawasan yang telah diberi larangan oleh pihak berkuasa tempatan.

Ini telah pun menunjukkan kepentingan untuk kita dalam melindungi tapak warisan ini supaya kekal terjaga. Mengikut carta 29, sebanyak 91% masyarakat tempatan bersetuju dengan pernyataan daripada pengkaji iaitu, tapak bersejarah ini haruslah dijaga dan dijadikan sebagai salah satu harta negara yang perlu dilindungi. Hal ini adalah kerana jika kita tidak mengambil Langkah dalam melindungi tapak warisan ini siapa lagi?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Carta 4.29

Kebersihan juga adalah merupakan salah satu elemen yang penting dalam memelihara tapak warisan ini. Hal ini adalah kerana, jika kita tidak menjaga elemen kebersihan ini di monumen, bangunan ataupun tapak warisan ini ia akan menarik perhatian serangga untuk datang ke kawasan terbabit. Serangga adalah merupakan salah satu agen perosak yang boleh memakan bangunan tersebut jika tidak dijaga dengan baik. Sebagai salah satu contohnya, jika atap bumbung bocor ia akan menghasilkan kelembapan daripada air hujan yang bertakung. Hal ini akan menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat pembiakan anai-anai.

Selain itu, jika kawasan tersebut kotor seperti membuang sampah merata, ia akan mendatangkan serangga perosak seperti lalat ataupun semut yang akan membuat sarang dan merosakkan dinding pada

bangunan warisan tersebut. Berdasarkan kepada carta 30 yang ditunjukkan di atas dapat dilihat bahawa sebanyak 95% daripada responden bersetuju mengenai kepentingan menjaga kebersihan di tapak warisan ini.




Carta 4.30

Kajian penyelidikan yang dilakukan ini adalah merupakan salah satu usaha yang patut dipuji. Hal ini adalah kerana, jika mereka tidak mengambil inisiatif terlebih dahulu bagi menjaga tapak warisan ini, selama ini kita tidak mengetahui bahawa di negara kita juga mempunyai tapak warisan yang berskala besar seperti yang terdapat di Sungai Batu ini. Ini adalah merupakan salah satu kejayaan kepada penyelidik yang patut dibanggakan.

Berdasarkan carta sebanyak 85% bersetuju bahawa mereka sangat bangga dan menyokong Tindakan memelihara dan memulihara tapak ini

supaya lebih kekal terjaga. Hal ini dapat dengan keputusan bagi carta-carta diatas yang menunjukkan bahawa mereka menyokong usaha penyelidik dalam mendidik masyarakat di masa yang sama menjalankan penyelidikan bagi melindungi tapak warisan ini supaya dapat dijadikan sebagai salah satu tapak bersejarah yang diiktiraf di mata dunia.



Carta 4.31

Tapak warisan arkeologi ini harus sentiasa dipelihara kerana ia merupakan salah satu bukti bahawa bangsa kita mempunyai ketamadunya yang tersendiri. Selain itu, ini juga adalah merupakan bukti yang menunjukkan kemegahan tamadun asia tenggara yang muncul lebih awal daripada tamadun rom. Tapak ini haruslah dipelihara daripada element kebersihan dan juga harus diberikan perhatian supaya ia tidak rosak.

Berdasarkan carta 32 sebanyak 93% bersetuju bahawa mereka bersetuju bahawa tapak ini harus dipelihara dan juga dikekalkan. Kepelbagaian candi dan juga beberapa lagi artifak yang dijumpai merupakan antara asset yang harus dipelihara dengan baik. Selain itu, sebanyak 7% lagi adalah merupakan peratusan bagi mereka yang tidak setuju dan tidak pasti mengenai pendapat yang diutarakan oleh pengkaji. Hal ini mungkin mereka berpendapat bahawa membangunkan tapak bersejarah ini adalah merupakan satu usaha yang sia-sia yang dilakukan oleh pihak penyelidik ini.

4.2 Cadangan yang telah dikemukakan oleh masyarakat bagi memupuk semangat kerjasama diantara penyelidik, NGO dan masyarakat tempatan.

terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak masyarakat mengenai bagaimana cara untuk mengeratkan hubungan diantara penyelidik dan juga masyarakat setempat. Sebanyak 50 respon yang telah diberikan daripada 200 responden yang terlibat dalam mengemukakan cadangan bagi mengeratkan lagi hubungan. Antara cadangan tersebut ialah

4.2.1 Mengadakan aktiviti Bersama masyarakat, penyelidik dan juga NGO yang terlibat.

Mengadakan aktiviti Bersama masyarakat, penyelidik dan juga NGO yang terlibat adalah sangat penting. Hal ini adalah kerana supaya kita dapat memupuk kerjasama diantara mereka. Menjalankan program seperti “kenduri kampung”, memberikan kursus ataupun Latihan khas kepada masyarakat. Hal ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan diantara mereka malahan dapat menambahkan pengetahuan mereka mengenai tapak kajian ini dan juga pentingnya untuk memelihara tapak ini.

4.2.2 Menambahbaik tapak penyelidikan

Pihak NGO, penyelidik dan juga masyarakat tempatan haruslah berganding bahu dalam memelihara dan memulihara tapak penyelidikan ini supaya ia kekal terjaga dan juga boleh dijadikan sebagai imej arkeopelancongan. Hal ini adalah kerana, usaha penambahbaikkan ini tidak seharusnya dilakukan oleh satu pihak sahaja. Setiap pihak harus mengambil inisiatif dalam menjaga tapak ini supaya kekal terjaga.

4.2.3 Membuat promosi bagi menaikkan nama tapak ini

Kebanyakan orang tidak tahu mengenai kewujudan tapak ini. Walhal masyarakat yang tinggal dikawasan tersebut juga terdapat segelintir tidak mengetahui mengenai tapak kajian tersebut. Langkah lebih drastik harus diambil bagi mempromosikan tapak ini supaya lebih dikenali. Tapak warisan ini adalah merupakan salah satu tapak yang sepatutnya dibanggakan oleh masyarakat.

Kita hidup di zaman milenial, dimana semua perkara hanya berada di hujung jari sahaja. Jadi, untuk mempromosikan tapak ini juga sepatutnya tidak menjadi satu masalah yang sangat besar bagi kita. Cuma, siapa yang akan mengambil Langkah pertama untuk mempromosikan tapak ini adalah merupakan salah satu persoalan yang sangat kritikal. Hal ini kerana, jika pihak A, mengambil Langkah yang pertama, dikhuatiri pihak B tidak bersetuju dengan Tindakan yang diambil. Jadi ini juga harus menjadi topik perbincangan diantara kesemua pihak yang terlibat.

4.2.4 Menjadikan komuniti sebagai “partner” ataupun mereka yang terlibat sama dalam program penyelidikan tersebut

Topik ini juga menjadi satu topik yang hangat juga kerana sebanyak 12 respon yang diberikan masyarakat mengenai cadangan ini. Menjadikan komuniti sebagai partner dalam usahasama bagi menaikkan nama tapak ini sebagai tapak arkeopelancongan adalah perlu. Hal ini adalah kerana, masyarakat juga harus diberikan ruang untuk memberikan pendapat mereka. Hal ini, seperti yang telah penulis nyatakan bahawa komuniti ini adalah merupakan mereka yang tinggal dikawasan tersebut. Jadi mereka juga mempunyai hak yang sama dalam menyuarakan pendapat mereka. Hal ini kerana, mereka lebih mengenali tapak tersebut.

Selain itu juga, pihak penyelidik boleh juga melantik masyarakat tempatan ini sebagai caretaker yang bertanggungjawab dalam menjaga

dan memastikan tapak ini sentiasa terjaga dan tidak terbiar. Hal ini menunjukkan bahawa pihak masyarakat, penyelidik dan NGO haruslah meletakkan kepercayaan kepada sesama mereka supaya dapat melahirkan satu hubungan yang utuh.

4.2.5 Pihak penyelidik harus memberikan lebih banyak informasi mengenai tapak kajian tersebut dan juga tujuan kajian ini dilakukan.

Informasi mengenai tapak ini tidak harus diberikan secara terperinci, cukuplah sekadar untuk masyarakat tahu mengenai kajian yang dilakukan dan juga tujuan kajian ini dilakukan. Hal ini adalah untuk memudahkan urusan masyarakat tempatan bagi memberikan penerangan kepada pelancong yang datang ke tapak tersebut. Dengan adanya informasi ini, ia dapat membantu masyarakat supaya lebih cakna tentang apa yang berlaku di tapak penyelidikan tersebut.

Selain itu, memberikan pendidikan kepada mereka tentang informasi mengenai tapak kajian ini. penyelidik seharusnya memberikan banyak penerangan dan juga kita perlu mendidik mereka mengenai tapak ini dan juga menerangkan tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan. Hal ini adalah sangat penting supaya mereka lebih terbuka dan juga lebih memahami tujuan penyelidikan ini dijalankan.

4.2.6 Memberikan peluang masyarakat tempatan untuk menyuarakan pendapat mereka

Kebanyakan masyarakat tempatan memberi respon bahawa mereka tidak diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka tentang bagaimana untuk menaikkan nama tapak penyelidikan ini. Selain itu juga, masyarakat tempatan juga berpendapat bahawa para penyelidik dan NGO seolah-olah mengetepikan pendapat yang mereka berikan. Hal ini menyebabkan hubungan yang cuba dibina diantara masyarakat tempatan, NGO dan juga penyelidik adalah sangat sukar. Masyarakat harus diberikan peluang untuk menyuarakan pendapat juga, ini adalah kerana, mereka adalah permastautin tetap yang tinggal ditapak tersebut sejak awal dan juga mereka mempunyai hak untuk bersuarakan pendapat mengenai pantang larang ataupun cadangan penambahbaikan yang perlu diambil kira.

4.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji telah dapat menghuraikan kajian yang dilakukan ini secara menyeluruh mengenai maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kajian yang telah dipilih oleh pengkaji di awal kajian mengenai penerimaan masyarakat terhadap kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak Arkeologi, Sungai Batu, Merbok, Kedah, dengan menggunakan kaedah soal selidik sebagai dapatan maklumat bagi dapatan kajian ini.

Analisis kajian ini dilakukan adalah berdasarkan kepada respon masyarakat tempatan kepada soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada mereka. Soal selidik ini dilakukan adalah bagi melengkapkan kajian yang dilakukan pengkaji. Soalan yang dikemukakan didalam soal selidik ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dikemukakan diawal kajian ini. Selain itu, untuk mengkaji tentang isu-isu yang telah dibangkitkan oleh masyarakat tempatan mengenai kajian penyelidikan yang dilakukan.

Hasil daripada maklumat yang diperolehi ini telah membantu dan menjawab setiap persoalan yang telah dilontarkan oleh pengkaji kepada kepada soal selidik yang telah dilontarkan oleh pengkaji kepada responden dijawab dengan baik dan menepati kehendak pengkaji. Setiap jawapan yang telah diberikan oleh responden ini telah membantu pengkaji menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dikaji. Akhir sekali, maklumat yang diperolehi oleh pengkaji adalah relevan dan benar.

4.3.1 Penyelidik haruslah lebih memahami situasi masyarakat tempatan

Berdasarkan daripada respon yang diterima oleh pengkaji daripada responden, bahawa para penyelidik seharusnya mendalami dan mengenali dahulu kawasan yang mereka pilih untuk dijadikan sebagai tapak kajian. Hal ini berkemungkinan adalah disebabkan oleh, penyelidik yang datang ke tempat kajian dan tidak menghormati masyarakat setempat ataupun budaya masyarakat setempat.

Seperti pepatah melayu “ masuk ke kendang kambing mengembek, masuk ke kendang kerbau menguak”. Pepatah ini membawa maksud bahawa jika kita masuk ke suatu tempat yang asing bagi kita, kita seharusnya menghormati dan juga menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Hal ini akan berkemungkinan menyebabkan masyarakat tempatan akan berasa tidak selesa dengan kehadiran para penyelidik yang datang ke tempat mereka dan menyukarkan proses kajian ini.

4.3.2 Menghadkan kemasukan pelancong ke kawasan tapak penyelidikan bagi mengelakkan kerosakan yang berlaku

Tapak ini menjadi tumpuan para penyelidik yang datang untuk melihat tapak kajian terbabit. Hal ini berkemungkinan adalah disebabkan oleh sejarah tempat itu sendiri dan juga penemuan artifak yang terdapat di tapak tersebut. Akibat dari itu, penduduk tempatan berpendapat bahawa pihak yang bertanggungjawab terhadap tapak tersebut untuk menghadkan kemasukan pelancong/penyelidik yang datang ke kawasan terbabit bagi mengelakkan kerosakan struktur tapak yang terdapat di kawasan tersebut.

4.4 Kesimpulan


Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji telah dapat menghuraikan kajian yang dilakukan ini secara menyeluruh mengenai maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kajian yang telah dipilih oleh pengkaji di awal kajian mengenai penerimaan masyarakat terhadap kajian penyelidikan yang dilakukan di tapak Arkeologi, Sungai Batu, Merbok, Kedah, dengan menggunakan kaedah soal selidik sebagai dapatan maklumat bagi dapatan kajian ini.

Analisis kajian ini dilakukan adalah berdasarkan kepada respon masyarakat tempatan kepada soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada mereka. Soal selidik ini dilakukan adalah bagi melengkapkan kajian yang dilakukan pengkaji. Soalan yang dikemukakan didalam soal selidik ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dikemukakan diawal kajian ini. Selain itu, untuk mengkaji tentang isu-isu yang telah dibangkitkan oleh masyarakat tempatan mengenai kajian penyelidikan yang dilakukan.


Hasil daripada maklumat yang diperoleh ini telah membantu dan menjawab setiap persoalan yang telah dilontarkan oleh pengkaji kepada kepada soal selidik yang telah dilontarkan oleh pengkaji kepada responden dijawab dengan baik dan menepati kehendak pengkaji. Setiap jawapan yang telah diberikan oleh responden ini telah membantu pengkaji menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dikaji. Akhir sekali, maklumat yang diperoleh oleh pengkaji adalah relevan dan benar.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai rumusan, ringkasan, cadangan dan juga saranan terhadap pendapat masyarakat mengenai kajian penyelidikan yang dijalankan di tapak Arkeologi, Sungai Batu, Merbok sebagai pelestari warisan budaya. Sepanjang tempoh pengkaji melakukan kajian ini banyak kebaikan dan ilmu yang diperoleh sepanjang kajian ini dilakukan. Ilmu pengetahuan mengenai kepentingan memelihara tapak kajian ini dan juga mengetahui pendapat masyarakat mengenai kajian penyelidikan yang dijalankan tapak kajian tersebut.

Penyelidikan seperti menemubual masyarakat tempatan mengenai pendapat mereka haruslah dilakukan dengan lebih kerap. Hal ini adalah supaya dapat mengetahui dan juga mengkaji tentang pendapat mereka tentang kajian ini. Selain itu, mengambil pendapat mereka mengenai cadangan pihak kerajaan dalam menjadikan tapak ini sebagai tapak pelancongan juga sangat penting. Hal ini adalah kerana supaya masyarakat tidak berasa terpinggir dan juga ketinggalan dengan setiap keputusan yang diambil tanpa persetujuan mereka. Jika hal ini tidak dilakukan dikhuatiri dimasa depan akan menimbulkan konflik diantara

ketiga-tiga pihak ini iaitu, penyelidik, NGO dan juga masyarakat tempatan.

Seterusnya juga pengkaji mempelajari bagaimana untuk mendapatkan maklumat, dan pertanyaan dalam menjalankan kajian ini supaya berjaya dengan lebih lancar. Juga, menjawab dengan objektif yang telah dikaji oleh pengkaji dalam tajuk kajian ini.

Disamping itu, penyelidikan mengenai pendapat masyarakat tentang kajian yang dilakukan ini haruslah lebih ditekankan dalam bab 5 ini. Hal ini adalah supaya pendapat masyarakat tempatan ini tidak lagi dipandang enteng oleh pihak yang bertanggungjawab. Selain itu juga, hal ini supaya, NGO dan penyelidik tidak mengabaikan mereka semasa mengambil keputusan tentang apa yang perlu dilakukan bagi tapak tersebut.

Akhir sekali, dibahagian akhir bab ini, pengkaji akan menyarankan beberapa cadangan tentang bagaimana untuk meningkatkan hubungan diantara penyelidik, NGO dan penduduk tempatan. Dan juga, bagi memartabatkan tapak tersebut sebagai sebuah tapak arkeopelancongan yang diiktiraf oleh pihak UNESCO pada suatu masa nanti.

5.2 ANALISIS OBJEKTIF KAJIAN

5.2.1 Analisis objektif kajian 1:

Mengenalpasti pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalankan di tapak tersebut

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian penyelidikan ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan telah pun menyedari tentang kajian ini. Mereka juga memahami sebab mengapa kajian ini dilakukan dan juga memahami tentang kepentingan bagi memelihara tapak kajian ini sebagai salah satu khazanah negara yang harus dipelihara.

Sebagai contohnya pada rajah 1 iaitu mengenai kepekaan masyarakat terhadap perubahan ataupun perkembangan yang berlaku di tapak kajian terbabit. Pengkaji menerima respon sebanyak 80% daripada responden bersetuju bahawa mereka sangat peka dengan perkembangan yang dilakukan di tapak kajian tersebut.

Hal ini menunjukkan bahawa usaha pihak kerajaan dalam melibatkan penduduk tempatan dalam Bersama-sama dalam membangunkan tapak tersebut adalah berjaya. Iaitu dimana mereka peka tentang perubahan yang berlaku dan juga mereka memahami tentang kajian ini. Projek penyelidikan yang dilakukan ini amat-amat memerlukan

penglibatan masyarakat tempatan. Hal ini adalah kerana mereka adalah merupakan sumber hidup yang terdapat ditapak kajian ini.

Selain itu juga penglibatan mereka juga sangat penting kerana mereka adalah merupakan komuniti setempat. Maksud komuniti setempat ini adalah mereka yang membantu pihak NGO dan pihak penyelidik ini dalam menyampaikan informasi dan juga mereka adalah merupakan penggerak kepada aktiviti dan program yang bakal dianjurkan oleh pihak bertanggungjawab ini. Hal ini kerana, tanpa bantuan komuniti pihak penyelidik sukar untuk mendapat persetujuan dalam menjalankan penyelidikan Bersama masyarakat tempatan. Bantuan daripada segi komunikasi dan panduan kepada para penyelidik semasa kajian penyelidikan ini dilakukan.

Selain itu, jika dapat dilihat pada rajah 4 iaitu mengenai penglibatan agensi kerajaan dalam memperkenalkan tapak kajian ini kepada masyarakat luar adalah sangat penting. Berdasarkan analisis kajian bagi respon masyarakat terhadap pernyataan tersebut adalah sebanyak 72% yang bersetuju dengan pernyataan berikut. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan agensi kerajaan ini memberi impak yang sangat besar dalam memperkenalkan tapak kajian ini kepada masyarakat luar. Tapak ini seharusnya perlu banyak diberikan perhatian adalah disebabkan oleh kebanyakan mereka memandang enteng tentang pengurusan tapak kajian penyelidikan ini. Setelah kajian siap dijalankan, tapak penyelidikan ini bukan lagi dibawah jagaan para penyelidik sebalik

dibawah satu pangurusan lain bagi menjaga kebajikan tapak ini. jika tapak ini tidak dipulihara dengan baik maka usaha penyelidik bagi memperkenalkan tapak ini adalah sia-sia.

Daripada beberapa pernyataan yang telah dinyatakan oleh pengkaji mengenai tapak kajian warisan ini adalah dapat dilihat bahawa masyarakat tempatan telahpun cakna mengenai tapak kajian ini. Mereka juga memahami penerangan yang telah diberikan oleh penyelidik mengenai tapak kajian tersebut. Seterusnya, mereka juga membantu pihak penyelidik bagi memudahkan kajian ini. sebagai contohnya, mereka adalah sebagai perantara komunikasi dan juga panduan bagi ke tempat-tempat kajian yang terdapat disekitar situ. Akhir sekali, mereka sangat memberika kerjasama yang baik bersama-sama NGO dan pihak penyelidik dalam menjayakan program dan aktiviti yang dijalankan.

5.2.2 Analisis objektif kajian 2:

Mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di tapak arkeologi sungai batu.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi pada data 4.2, menunjukkan masyarakat tempatan menerima dengan baik aktiviti penyelidikan yang dilakukan di Tapak penyelidikan Arkeologi Sungai Batu. Berdasarkan dapatan kajian bagi titik 4.1.2, menunjukkan bahawa

kebanyakkan mereka bersetuju mengenai bahawa kajian yang dilakukan ini menepati ekspetasi masyarakat tempatan. Masyarakat temoatan memberikan sokongan penuh kepada kajian yang dilakukan dan bersedia untuk membantu penyelidik daripada segi sumber informasi dan juga pengetahuan mereka berdasarkan cerita-cerita orang tua-tua dahulu. Mereka juga sangat terbuka dalam menerima para penyelidik untuk datang ke Kawasan penempatan mereka bagi mendapatkan informasi dan menjalankan kajian.

Kajian yang dilakukan ini adalah supaya masyarakat tidak mengabaikan tentang kewujudan tapak bersejarah yang seharusnya dibanggakan oleh masyarakat kini kerana ia merupakan salah satu kebanggaan kita dan juga ini telah membuktikan bahawa rumpun kita adalah merupakan salah satu permulaan bagi tamadun asia yang terawal. Jadi, dengan usaha pihak penyelidik ini dapat memupuk semangat patriotism iaitu semangat cinta akan negara dan warisan itu sendiri.

Selain itu berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, responden menyatakan bahawa penyelidikan yang dilakukan ini memberikan impak yang positif terhadap kehidupan seharian mereka. Perubahan sosial ini adalah merupakan salah satu perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat daripada satu peringkat ke peringkat kehidupan yang baru. Masyarakat harus belajar menyesuaikan diri dengan kehidupan yang baru ataupun sebaliknya berusaha untuk

mengembalikan keadaannya yang asal, semuanya bergantung kepada pilihan masyarakat itu sendiri. (Rozali Hashim, 1991)

Pihak penyelidik juga banyak menganjurkan aktiviti bersama dengan masyarakat tempatan dengan Kerjasama pihak NGO berkenaan dengan tapak kajian tersebut bagi memberikan pendedahan yang mendalam berkenaan kajian yang dilakukan. Meskipun, kebanyakan mereka melakukan pekerjaan yang biasa sahaja seperti nelayan, penoreh getah, malim gunung, dan lain-lain, tetapi mereka boleh mempelajari bidang yang baru yang jauh daripada profesion mereka. Hal ini akan memberikan mereka sesuatu ilmu yang baru yang juga boleh mengubah gaya pemikiran mereka dan juga generasi akan datang dalam memelihara warisan budaya ini.

Jika masyarakat mula memahami tujuan penyelidikan ini dijalankan maka, ini akan lebih memudahkan para penyelidik bagi meneruskan kajian ini ke peringkat seterusnya. Hal ini adalah kerana, aktiviti pemuliharaan akan dijalankan bagi memastikan jangka hayat bagi sesebuah tapak candi yang terdapat di tapak kajian ini semakin lama.

Ini adalah kerana jika tapak ini tidak dijaga dengan baik dikhuatiri tapak tersebut akan diserang oleh serangga perosak.

Antara kerosakkan yang berlaku jika tapak kajian dijaga dengan baik adalah, tapak tersebut akan menjadi lembab dan akan menarik haiwan perosak seperti anai-anai bagi membuat sarang dan merosakkan struktur yang ada pada candi tersebut. hal ini menyebabkan jangka

hayat sesebuah tapak tersebut tidak lama dan ini akan membimbangkan para penyelidik.

Mereka berharap agar pihak kerajaan dapat memberikan Kerjasama dalam usaha memelihara dan memulihara tapak warisan ini sebagai salah satu pelestari warisan budaya yang terdapat dinegara ini dan menjadikan tapak ini sebagai salah satu tempat tumpuan pelancong.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2.3 Analisis objektif kajian 3:

Mengkaji keberkesanan aktiviti arkeologi itu sendiri terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri.

Bagi objektif ini, berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi di 4.2 mengenai respon masyarakat terhadap keberkesanan aktiviti arkeologi itu sendiri terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri. Objektif kajian ini bertujuan adalah supaya pengkaji dapat melihat adakah penyelidikan yang dilakukan oleh pihak penyelidik dan juga aktiviti yang telah dianjurkan ini dapat memberikan kesan kepada penduduk setempat.

Antara kesannya ialah mereka lebih memahami mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak kajian tersebut. Hal ini adalah amat penting, kerana jika mereka tidak memahami betapa pentingnya konservasi tapak kajian, maka ia amat sukar bagi memastikan tapak ini kekal terjaga dengan sebaiknya. Tapak kajian ini adalah merupakan antara bukti mengenai tamadun awal asia tenggara.

Tapak ini harus dipelihara dan tidak dibiarkan terabai supaya dapat memastikan bahawa khazanah warisan negara ini kekal terjaga. Selain itu, ialah mengenai kepekaan mereka terhadap apa yang beraku kepada tapak kajian tersebut. seperti data pada iaitu mengenai pernyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji mengenai pengetahuan mereka

terhadap tapak kajian ini. sebanyak 50% yang tidak mengetahui mengenai kajian yang dilakukan.

Sebahagian daripada mereka berkemungkinan mengetahui bahawa tapak tersebut adalah merupakan candi yang dijumpai dari zaman lampau. Akan tetapi tidak pernah mengetahui mengenai sejarah candi tersebut, bagaimana mereka masuk ke tanah melayu dan juga kewujudan sekumpulan penyelidik yang melakukan kajian penyelidikan di tapak tersebut. Hal ini adalah sedemikian adalah disebabkan oleh masyarakat tempatan hanya focus terhadap kehidupan seharian mereka sahaja.

Selain itu untuk mengkaji adakah kajian penyelidikan yang dilakukan ini dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap mereka dalam melindungi tapak tersebut. Hal ini adalah kerana, semangat cinta akan negara ataupun patriotisme ini adalah sangat penting supaya masyarakat muda pada hari ini lebih menghargai perjuangan masyarakat terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan kepada negara ini. Semangat patriotisme ini seharusnya dipupuk daripada kecil lagi. Hal ini adalah supaya ia dapat membentuk masyarakat yang mempunyai semangat yang waja terhadap negara tercinta ini.

Hal ini juga, dapat menarik mereka dalam menjalankan kerjasama Bersama dengan NGO yang terlibat dalam mempromosikan tapak ini sebagai salah tapak pelancongan dalam warisan ataupun arkeopelancongan. Arkeopelancongan adalah merupakan aktiviti

melawat tapak tinggalan tamadun manusia yang kini telah menjadi kajian penyelidikan dan ia lebih khusus kepada aktiviti cari gali ataupun eskavasi.

Selain itu juga, pelancongan dalam warisan ini juga bukan sahaja melawat ke tempat tapak kajian sahaja, malah mereka juga boleh menyertai dan dalam erti kata lain disamping mereka melancong terdapat banyak ilmu yang mereka perolehi daripadanya. Tujuan pelancongan dalam warisan ini dilakukan adalah supaya dapat menarik minat masyarakat kini dalam melawati dan juga menghargai warisan yang telah ditinggalkan. Dan juga supaya mereka bangga dengan warisan yang terdapat didalam negara mereka sendiri.

5.3 CADANGAN

5.3.1 Cadangan untuk masyarakat tempatan

Masyarakat tempatan adalah merupakan golongan yang sangat dekat dengan tapak kajian yang dikaji dan juga sangat mengetahui mengenai cerita rakyat ataupun kisah-kisah lampau yang berlaku dikawasan tersebut. Hal yang demikian menunjukkan bahawa mereka adalah orang yang tepat dalam membantu para penyelidik semasa melakukan kajian mereka.

Antara cadangan yang boleh disarankan oleh pengkaji dalam membantu masyarakat tempatan adalah dengan banyak menceburkan diri dalam program yang telah di anjurkan oleh NGO Bersama dengan

penyelidik. Ini adalah supaya mereka lebih memahami mengenai penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik di tapak tersebut. Hal ini adalah kerana banyak kebaikan yang boleh mereka dapatkan jika mereka banyak menceburkan diri Bersama NGO yang terbabit.

Cadangan yang kedua ialah, adalah supaya masyarakat tempatan banyak menonjolkan diri mereka. Kebanyakan masyarakat yang tinggal dikawasan berdekatan adalah merupakan mereka yang menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan sebagai contohnya sewaan bot, rumah tumpangan, menjual produk makanan dan sebagainya. Dengan ini, mereka boleh mempromosikan perniagaan mereka semasa mereka menyertai program Bersama NGO yang terlibat.

Hal ini adalah supaya, berkemungkinan produk mereka boleh dijadikan sebagai salah satu produk yang boleh diletakkan didalam senarai Arkeopelancongan ataupun tempat yang dicadangkan kepada pelancong jika mereka datang ke tapak kajian ini. Ini adalah merupakan salah satu cara dalam membantu meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan.

5.3.2 Cadangan untuk institusi

Antara cadangan yang dapat diberikan oleh pengkaji terhadap pihak institusi semasa menjalankan penyelidikan dikawasan tersebut adalah untuk meningkatkan etika kerja semasa melakukan proses penyelidikan di tapak terbabit. Hal ini adalah berkemungkinan adalah disebabkan

oleh beberapa factor. Antara factor yang berkemungkinan adalah disebabkan oleh mereka tidak mengikut etika yang telah ditetapkan dalam menjalankan kajian. Setiap penyelidikan yang dilakukan mempunyai etikanya tersendiri sama ada etika semasa melakukan wawancara ataupun temubual, ujian atau rawatan psikologi, fisiologi dan akses kepada maklumat mereka memerlukan pihak penyelidik untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu.

Mengikut panduan etika semasa melakukan penyelidikan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK), semasa melakukan wawancara ataupun temubual, penyelidik seharusnya mendapatkan kebenaran terlebih dahulu supaya masyarakat tempatan ini lebih menyedari tentang ini dan mereka lebih bersedia. Selain itu, jika pihak responden meminta penyelidik bagi tidak menyebarkan perihal maklumat peribadi mereka para penyelidik tidak mempunyai hak dalam mempersoalkan keputusan tersebut dan menghormatinya. (Fariza Khalid, 2019)

Seterusnya adalah, dengan memperbanyakkan bengkel Bersama masyarakat tempatan. Hal ini adalah kerana berdasarkan kepada pengamatan pengkaji segelintir masyarakat tempatan ini tidak memahami mengenai kajian yang dilakukan. Hal ini kerana mungkin disebabkan oleh mereka banyak terlepas atau tidak tahu mengenai bengkel-bengkel yang dijalankan sebelum ini. Jadi pentingnya bengkel yang dijalankan dan juga penyebaran maklumat berkaitan bengkel yang

dijalankan disampaikan ke seluruh kawasan tempat tinggal penduduk tempatan.

Akhir sekali adalah, pihak penyelidik harus mencari salah satu inisiatif lain selain melakukan bengkel bagi mendekati diri dengan masyarakat tempatan. Hal ini adalah kerana kebanyakan masyarakat dalam respon yang diberikan dalam soal selidik yang dijalankan, mereka berpendapat bahawa mereka berasa terpinggir kerana para penyelidik tidak banyak yang mendekati mereka sepanjang melakukan penyelidikan ini.

Antara aktiviti Bersama yang dapat pengkaji cadangkan bagi penyelidik boleh lakukan Bersama penduduk tempatan adalah dengan melakukan gotong-royong Bersama masyarakat tempatan bagi membersihkan tapak kawasan kajian. Disamping itu dapat diselitkan penerangan berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan kepada masyarakat. Selain itu, membuat aktiviti seperti makan tengahari Bersama juga adalah merupakan salah satu idea yang menarik.

Pelancongan adalah merupakan salah satu bidang pelaburan yang semakin meningkat naik pada masa kini. Ia berperanan dalam memacu pertumbuhan industri-industri lain sebagai salah satu wahana pembangunan mega Malaysia. Dalam sistem pelancongan, aspek yang perlu diberi penekanan adalah kewujudan pelancong, pembekal barangan ataupun perkhidmatan pelancongan, kerajaan dan juga tuan rumah destinasi yang terpilih. (Ahmad Zamane Omar, 2016)

Menjadikan Tapak kajian ini sebagai salah satu tapak arkeopelancongan adalah merupakan salah satu cadangan yang baik. Bukan sahaja masyarakat tempatan yang mendapat impak malahan, peningkatan ekonomi negara akibat daripada kemasukan pelancong juga semakin menaik. Baru-baru ini juga pintu sempadan Malaysia telah pun dibuka setelah 2 tahun ditutup impak daripada Covid-19 yang melanda. Dengan ini dapat memulihkan ekonomi negara yang tercalar akibat daripada wabak tersebut.

Selain itu juga, berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh pihak berwajib mengenai arkeopelancongan di tapak kajian tersebut adalah dengan membawa pelancong luar untuk melawat ke tapak kajian tersebut. Akan tetapi, sebenarnya banyak lagi yang boleh dilakukan oleh mereka dalam menaikkan industri arkeopelancongan yang lebih kekinian yang menepati cita rasa masyarakat muda kini. Antaranya ialah, seperti memberikan peluang kepada pelancong merasai sendiri memegang artifak tersebut secara maya ataupun *virtual*, permainan teka teki ataupun susun gambar artifak ataupun candi yang terdapat disitu dan juga tayangan secara AR mengenai bagaimana orang-orang terdahulu yang tinggal dikawasan kajian terbabit.

Selain itu, dalam praksis pemuliharaan warisan budaya, perwakilan adalah sangat penting kerana tapak kajian tersebut telahpun dipetakan, diterangkan, difoto, dilukis, difilemkan, dan diukur jadi ia perlu ditukarkan menjadi mod digital, ilustrasi dan rajah. (Russel Staif, 2013).

Artifak dan tapak kajian yang telah dikonservasi sepatutnya perlu dipelihara. Jadi, untuk mengelakkan daripada tapak tersebut rosak akibat daripada kedatangan pelancong yang ramai. Jadi pemotretan dan juga perfileman dan pendigitalan adalah sangat penting dalam hal ini. Hal ini kerana, disamping kita menjaga tapak tersebut kita juga dapat menarik minat pelancong untuk datang melawat ke muzium digital tersebut.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pendapat masyarakat adalah sangat penting. Sebelum sesebuah kajian atau projek dipersetujui, mereka perlulah mendapatkan persetujuan daripada masyarakat tempatan yang tinggal dikawasan tersebut. Hal ini adalah sangat penting kerana, mereka merupakan penduduk yang tinggal dikawasan terbabit jadi mereka mempunyai hak keatas tapak yang ingin diterokai. Hal ini kerana, jika tidak mereka boleh mendakwa pihak bertanggungjawab atas pencerobohan diatas tanah persendirian.

Seterusnya, pihak penyelidik dan juga masyarakat tempatan haruslah berganding bahu dalam memelihara dan memulihara tapak kajian ini supaya kekal terjaga. Mereka harus sama-sama menggembelng tenaga dan mencurahkan idea dalam mencari alternatif bagi memastikan tapak kajian tersebut kekal terjaga.

Lampiran A

Contoh soalan yang akan dikemukakan oleh pengkaji didalam soal selidik yang dijalankan:

Sila jawab soalan dibawah dengan teliti.

Bil	Soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat setuju
Pengetahuan masyarakat terhadap aktiviti arkeologi yang dijalan di tapak tersebut						
1	Saya sangat peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku di tapak warisan					
2	Pihak kerajaan memandang enteng dalam mempromosikan tapak kajian ini sebagai salah satu tapak warisan bersejarah.					
3	Tujuan kajian penyelidikan ini adalah untuk melindungi tapak warisan budaya itu sendiri					
4	Penglibatan agensi kerajaan dalam memperkenalkan tapak warisan bersejarah ini kepada pelancong dalam dan luar negara adalah sangat penting.					
5	Tapak penyelidikan arkeologi ini memberikan kesan yang mendalam terhadap semangat patriotic					
6	Saya sangat peka tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi tersebut					
7	Banyak penyelidik yang datang untuk menjalankan penyeldikan di tapak terbabit					
8	Pembinaan muzium ini adalah bertujuan untuk memudahkan pelawat					

	untuk melihat tentang sejarah penyelidikan yang terdapat disana					
9	Saya banyak mendengar cerita-cerita orang kampung mengenai sejarah yang terdapat ditapak arkeologi tersebut					
10	Saya merupakan penduduk asal yang tinggal dikawasan tapak kajian tersebut.					
Penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti arkeologi di Tapak Arkeologi SungaiBatu						
1	Kekurangan informasi dan juga penerangan yang diberikan oleh pihak penyelidik kepada penduduk menyebabkan penerimaan penduduk kajian ini semakin merosot					
2	Kajian yang dilakukan tidak menepati ekspektasi penduduk tempatan					
3	Kajian yang dilakukan ini telah membuka mata saya tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini.					
4	Aktiviti kajian yang dilakukan memberikan kesan terhadap kehidup seharian saya					
5	Saya berminat untuk memberi Kerjasama terhadap penyelidik dengan memberikan maklumat mengenai tapak tersebut.					
6	Saya berasa agak terganggu dengan kemasukan penyelidik kedalam Kawasan penempatan masyarakat tempatan.					
7	Kurangnya aktiviti yang dilakukan Bersama pihak agensi kerajaan menyebabkan hubungan diantara penyelidik dan juga penduduk adalah terbatas.					

8	Orang kampung banyak membantu pihak penyelidik dalam memperolehi maklumat mengenai tapak kajian.					
9	Saya banyak menyertai aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat					
10	Dengan adanya aktiviti yang dijalankan saya lebih memahami tujuan kajian penyelidikan ini dilakukan					
11	Saya rasa sangat bersemangat dalam memelihara tapak ini supaya lebih kekal terjaga					
keberkesanan aktiviti arkeologi terhadap masyarakat dalam melindungi warisan budaya itu sendiri						
1	Penduduk tempatan bekerjasama dengan pihak penyelidik dalam menjaga tapak kajian warisan bersejarah ini.					
2	Banyak agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pemuliharaan tapak penyelidikan					
3	Ketiadaan undang-undang yang jelas menyukarkan pihak penduduk dan penyelidik dalam mengekalkan tapak Kawasan kajian ini supaya kekal terjaga.					
4	Kajian yang dilakukan ini telah membuka mata saya tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara tapak warisan bersejarah ini.					
5	Saya berasa usaha pihak penyelidik dalam melindungi tapak ini daripada terus rosak adalah merupakan salah satu Tindakan yang betul agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pemuliharaan tapak penyelidikan					

6	Saya berasa tapak ini patut dibangunkan dan lebih diberikan perhatian supaya dapat menarik lebih banyak pelancong.					
7	Saya rasa lebih bertanggungjawab dalam mengekalkan kelestarian tapak arkeologi ini supaya kekal sehingga ke generasi seterusnya					
8	Tapak bersejarah ini haruslah dijaga dan dijadikan sebagai salah satu harta negara yang perlu dilindungi					
9	Kebersihan tapak in haruslah sentiasa dititikberatkan supaya Nampak lebih kemas dan cantik					
10	Saya berasa sangat bangga dengan kejayaan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pihak penyelidik					
11	Tapak ini harus sentiasa dipelihara supaya dapat mengekalkan					

Rujukan

- Adnan, J. (2016). Melestarikan Tapak Warisan Arkeologi, Monumen dan Bangunan Bersejarah Dalam Konteks Arkeopelancongan di Malaysia. 30-50.
- Ahmad Syukrie Mohamad, Norhamreeza Abdul Hamid, Zehan Afip@Afif. (2021). Sistem Pengambilan Tanah (Perbicaraan). *Applied Information Technology and Computer Science*, 15-22.
- BAB 3 ANALISIS SISTEM Objektif 1 Mengenalpasti aktivitiaktiviti.** (2016). Retrieved from slidetodoc: <https://slidetodoc.com/bab-3-analisis-sistem-objektif-1-mengenalpasti-aktivitiaktiviti/>
- Bringing living heritage to the classroom in Asia Pasific.* (n.d.). Retrieved from UNESCO: https://events.unesco.org/event?id=Online_Course_-_Bringing_Living_Heritage_to_the_Classroom_in_Asia-Pacific3111809988&lang=1033
- Britannica, T. E. (22 April, 2019). *Chernobyl Disaster*. Retrieved from Encyclopedia Britannica: <https://www.britannica.com/event/Chernobyl-disaster>
- Harian, B. (23 Januari, 2020). *Lebih 100 artifak dianggar berusia 17,000 ditemui di Baling*. Retrieved from BHOnline: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/649263/lebih-100-artifak-dianggar-berusia-17000-ditemui-di-baling>
- Hussin, A. A. (2014). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Penerbit USM.
- Ismail, D. M. (2012). *Pengambilan Tanah*. UUM Repository.

I Ketut Putra Suarthana, Ni Luh Putu Agustini K, Widi Hardini. (2015). *THE IMPACT OF SOCIAL, ECONOMIC AND ENVIRONMENT IN LOCAL COMMUNITY PARTICIPATION OF ARCHEOLOGICAL TOURISM VILLAGE BEDULUGIANYAR, BALI*. Retrieved from Institut Pariwisata dan Bisnis Internasional: <https://jbhost.org/jbhost/index.php/jbhost/article/view/27/27>

Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marican, S. (2005). 75.

Noah, S. M. (2002). 77.

Jean-David Gerber, Adena R Rissman. (2012). *Environment and Planning A: Economy and Space. Land-Conservation Strategies: The Dynamic Relationship between Acquisition and Land-Use Planning*, 25-40.

Laurajane Smith, Emma Waterton. (2012). *Heritage, Community and Archeology*. New York: Bloomsbury Academics.

Noor Ashikin Binti Hamid, Noraida Binti Harun, Nazli Bin Ismail@ Nawang. (2011). *Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 135-148.

(2019). *Pecahan keseluruhan mengikut daerah bagi negeri kedah 2011-2019*. Kerajaan Negeri Kedah.

Philippa Roddis, Stephen Carver, Martin Dallimer, Paul Norman, Guy Ziv. (2018, June 6).

The role of community acceptance in planning outcomes for onshore wind and solar farms: An energy justice analysis. Retrieved from Science Direct:
<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0306261918308043>

Punitha Muniandy, Nagamah Marimuthu, Abdul Rahim Ali, Sivaraja Ponniah. (2018). KAJIAN LAPANGAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN PEDAGOGI GURU SEJARAH: STUDI KASUS DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG DAN SUNGAI BATU. 20-80.

ROSITA AIESHA, GRAEME EVANS. (2007). *TOURISM, CULTURE AND REGENERATION*. United Kingdom : Mixed Sources.

Saori, N. (27 August, 2020). *Japan's shamisen faces a fight for survival.* Retrieved from NHK Japan World: <https://www3.nhk.or.jp/nhkworld/en/news/backstories/1248/>

Sarah, S. (26 April, 2015). *BAB 3 METODOLOGI KAJIAN*. Retrieved from SKBL2113:
<https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>

Shahariah, T. (4 January, 2006). *Treasure trove of ancient artefacts.* Retrieved from The Star: <https://www.thestar.com.my/news/community/2006/01/04/treasure-trove-of-ancient-artefacts>


Teja, S. (10 August, 2016). *Kaedah Penyelidikan Pensampelan.* Retrieved from slideshare.net: <https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penyelidikan-persampelan>

- Zizi, M. I. (2021). kepentingan dan kearifan tempatan dalam konservasi warisan : kajian mengenai keris. *UMK repositori*, 1-20.
- ATALAY, S.L. (Ojibwe). 2007. Global application of Indigenous archaeology: community based participatory research in Turkey. *Archaeologies: Journal of the World Archaeological Congress*: 3(3): 249-70.
- CHIRIKURE, S., M. MANYANGA, W. NDORO & G. PWITI. 2010. Unfulfilled promises? Heritage management and community participation at some of Africa's cultural heritage sites. *International Journal of Heritage Studies* 16(1): 30-44.
- ERICKSON, C. 1998. Applied archaeology and rural development: archaeology's potential contribution to the future. in M.B. Whiteford & S. Whiteford (ed.) *Crossing currents: Continuity and change in Latin America*: 34-45. Upper Saddle River (NJ): Prentice Hall.
- MARSHALL, Y. 2002a. What is community archaeology? 2002b. Community archaeology. *World Archaeology* 34(2).
- Jantan, N. B. (2015). *ISU-ISU YANG DIHADAPI DALAM PELAKSANAAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R & D) DI POLITEKNIK*. Retrieved from Politeknik Merlimau Melaka: chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa4567/ISU-ISU%20YANG%20DIHADAPI%20DALAM%20PELAKSANAAN%20PENYELIDIKAN%20DAN%20PEMBANGUNAN%20(R%20&%20D)%20DI%20POLITEKNIK.PDF


- Omar, A. Z. (2016). *Malaysia Truly Asia*. Retrieved from <https://tourismahmadzamane.wordpress.com/>
- ROSITA AIESHA, GRAEME EVANS. (2007). *TOURISM, CULTURE AND REGENERATION*. United Kingdom : Mixed Sources.
- Russel Staiff, Robyn Bushell, Steve Watson. (2013). *Heritage and Tourism*. London: Routledge.
- Zain, N. R. (2011, November). *USM Official Website*. Retrieved from <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/6369-lima-sebab-kenapa-tapak-arkeologi-sungai-batu-wajib-dikunjungi-sekurang-kurangnya-sekali-seumur-hidup>
- Kelantan, U. M. (2021). *Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Kelantan*. Retrieved from chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/<https://rmic.umk.edu.my/media/attachments/2022/01/13/garis-panduan-etika-penyelidikan-umk-2022.pdf>
- Khalid, F. (2019, 10 28). *Etika dalam Penyelidikan*. Retrieved from <https://www.farizakhalid.com/gb6013-research-methods/etika>



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan,
Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

April 2011



Appendiks C

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BORANG PENYERAHAN NASKAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR MUTAKHIR

Kepada,

Dekan,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir


Saya, SITI ZULAIKHA ZULKEFLI No Matrik C19B0792 menyerahkan dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk: PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN DI TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU, MERBOK, SEBAGAI PELESTARI WARISAN BUDAYA

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembedaan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.


Sekian, terima kasih



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Tarikh :

.....

Perakuan Penyelia

Saya, penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakukan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.


.....

Tarikh:






UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN